LAPORAN DAFTAR KES PENDAKWAAN PAHANG TAHUN 2024

BIL	TARIKH SEBUTAN/ BICARA	NO. KES/ NAMA KES	KAWASAN/ LOKASI KEJADIAN	
1	25 Januari 2024	CB-62ES-4-12/2023 Pendakwa Raya Lwn Man Seok	Hutan Simpan Pemuliharaan Tasek Bera, Pahang	
2	28 Jun 2024	HS Sg Wi D, Cameron Highlands	Mahkamah Sesyen Raub Siti Sarah binti Zainal Abiddin	
3	17 Mei 2024	CC-62ES-3-05/2024 / Pendakwa Raya v Mawardi	Kompt 79, HSK Gunung Benum	
4	27 Mei 2024	CB-62ES-3-05/2024 Pendakwa Raya v Yusainihardi bin Ghani	Kompt 20, HS Chini Tambahan, Bera, Pahang	
5	9 Ogos 2024	CC-62ES-4-05/2024 Pendakwa Raya v Saw O Shin Jay & Saw Min Thu (minit sebelum ini iaitu Arahan Tuduh telah diminit oleh TPR Hafiz bin Musa pada 25.5.2024)	Kompt 25, HSK Rotan Tunggal	
6	28 Jun 2024	CC-62ES-5-05/2024 Pendakwa Raya v Lai Kwai Ying & Sapwan	Kompt 134,HS Gunung Benom, Raub	
7	13 Disember 2024	CC-62ES-6-05/2024 Pendakwa Raya v 1. Dandu Giri 2. Ramchandra Thapa Chhetri 3. Ram Kumar Thapa Kshetri	Komp 113 HS Gunung Benom	
8	28 Jun 2024	CC-62ES-7-05/2024 Pendakwa Raya v Anamul Hassan Mohamad Enous (Minit sebelum ini untuk Arahan Tuduh telah dibuat oleh TPR Hafiz bin Musa pada 25.5.2024)	Komp 36 HS Gunung Benom	
9	09 Ogos 2024	CC-62ES-8-07/2024 Pendakwa Raya Lwn Md Abdul Hai	HS Mentigi, Cameron Highlands	

	STATUS
	Kes telah dituduh di Mahkamah Sesyen 1, Temerloh dihadapan Tuan Haji Jamaludin Bin Haji Mat. Pertuduhan dibacakan dengan kehadiran jurubahasa Kemboja. OKT mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan ke atasnya dibawah seksyen 47(1) dan seksyen 81(1)(b) Akta Perhutanan Negara 1984. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman bagi seksyen 47(1); penjara 1 bulan dari tarikh tangkap dan denda RM2,000. Jika gagal bayar 2 bulan penjara. Hukuman bagi seksyen 81(1)(b); penjara 1 bulan dari tarikh tangkap dan denda RM10,000. Jika gagal bayar 6 bulan penjara. **(SELESAI)**
	Kes didengar semula dan pertuduhan telah dibacakan semula kepada OKT-OKT dengan kehadiran jurubahasa Bangladesh dan OKT-OKT telah mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan di bawah seksyen 47 (1) dan seksyen 81(1)(e)APN 1984. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman bagi pertuduhan seksyen 47(1)APN 1984; 6 bulan penjara dari tarikh tangkap. Seterusnya bagi pertuduhan seksyen 81(1)(e) APN 1984; 6 bulan penjara dari tarikh tangkap. Kedua-dua hukuman penjara berjalan serentak dari tarikh tangkap. Barang-barang kes yang telah disita dilucuthak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. **(SELESAI)**
	Kes telah dipertuduh ke atas OKT dan OKT telah mengaku salah bagi kedua-dua pertuduhan. Mahkamah telah mensabitkan OKT dan menjatuhkan hukuman bagi seksyen 47(1); denda RM5,000 jika gagal bayar 8 bulan penjara manakala seksyen 50(1); denda RM4,000 jika gagal bayar 4 bulan penjara. Barang sitaan dilucuthak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. **(SELESAI)**
	B1 mengaku salah atas kesalahan melakukan kerja-kerja membajak dan membersihkan tanah menggunakan jengkaut di HS Chini Tambahan, Bera, Pahang. Mahkamah mensabitkan hukuman denda RM5,000/-. Gagal bayar, penjara 5 bulan. Okt telah membayar denda. Tiada rayuan dicadangkan. Hukuman memadai. **(SELESAI)**
	Kes telah didengar di hadapan hakim Mahkamah Sesyen Raub pada hari ini. Kedua-dua OKT mengaku salah Mahkamah telah mensabitkan kedua-dua OKT dan dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan daripada tarikh tangkapan 23.5.2024. Barang kes di dalam Borang Bongkar (1)(P3A) dikembalikan/diserahkan kepada pendakwa raya manakala 3 barang peribadi milik OKT dipulangkan kepada OKT. Barang kes disita di dalam Borang Bongkar (1)(P3A) diserahkan kepada PPN untuk dilupuskan mengikut peruntukan S.94(5) APN 1984. **(SELESAI)**
	Kedua-dua OKT mengaku bersalah dan telah dijatuhkan hukuman seperti berikut: a) B1 denda RM5,000 jika gagal bayar 5 bulan penjara b) B2 denda RM5,000 jika gagal bayar 5 bulan penjara Tiada rayuan dicadangkan. Hukuman adalah memadai **(SELESAI)**
	Ketiga-tiga OKT mengakui salah. Untuk pertuduhan pertama setiap OKT dikenakan denda RM4000 gagal bayar 4 bulan penjara. Untuk pertuduhan kedua setiap OKT dikenakan denda RM4000 gagal bayar 4 bulan penjara dan semua barang yang disita dilucutkan hak. **(SELESAI)**
	Kes ditetapkan untuk pertuduhan dibacakan semula dengan kehadiran jurubahasa Myanmar dan OKT telah mengaku salah bagi pertuduhan dibawah seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM5,000 jika gagal bayar 5 bulan penjara. **(SELESAI)**
	Kes ditetapkan untuk (s) jurubahasa Bangladesh pada 9 /8/2024 OKT mengaku bersalah mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM5000 jika gagal bayar 6 bulan penjara. Hukuman memadai. Tiada cadangan rayuan. **(SELESAI)**

LAPORAN DAFTAR KES PENDAKWAAN PAHANG TAHUN 2024


BIL	TARIKH SEBUTAN/ BICARA	NO. KES/ NAMA KES	KAWASAN/ LOKASI KEJADIAN
10	21 Ogos 2024	CB-62ES-5-8/2024 Pendakwa Raya Lwn Nin Mao	HS Gunung Aais Koordinat X551096 Y491654
	21 Ogos 2024	CB-62ES-6-8/2024 Pendakwa Raya Lwn Nget Pros	HS Gunung Aasis Koordinat X551096 Y491654
	21 Ogos 2024	CB-62ES-7-8/2024 Pendakwa Raya Lwn Nhet Tab	HS Gunung Aasis Koordinat X551096 Y491654
	21 Ogos 2024	CB-62ES-8-8/2024 Pendakwa Raya Lwn Kan Sary	HS Gunung Aasis Koordinat X551096 Y491654
11	18 Oktober 2024	CB-62ES-9-10/2024 Pendakwa Raya Lwn Said Akbar	HS Lentang, Kompt 53

STATISTIK KERTAS SIASATAN PERHUTANAN DI BAWAH AKTA 313 (JANUARI – DISEMBER 2024)

JUMLAH KES	INDIVIDU DITANGKAP	JENTERA DISITA
108	94	61

	STATUS
	Kes telah disebut di Mahkamah Sesyen Temerloh Untuk kertas siasatan ini, semua OKT mengaku bersalah. Arahan adalah seperti berikut: i) B1: Penjara 1 tahun daripada tarikh tangkap bagi kesalahan Seksyen 47(3) & 2 tahun penjara bagi kesalahan Seksyen 84 Tiada syor dicadangkan **(SELESAI)**
	Kes telah disebut di Mahkamah Sesyen Temerloh Untuk kertas siasatan ini, semua OKT mengaku bersalah. Arahan adalah seperti berikut: i)B2:Penjara 1 tahun daripada tarikh tangkap bagi kesalahan Seksyen 47(3) & 2 tahun penjara bagi kesalahan Seksyen 84 Tiada syor dicadangkan **(SELESAI)**
	Kes telah disebut di Mahkamah Sesyen Temerloh Untuk kertas siasatan ini, semua OKT mengaku bersalah. Arahan adalah seperti berikut: i)B3:Penjara 1 tahun daripada tarikh tangkap Tiada syor dicadangkan **(SELESAI)**
	Kes telah disebut di Mahkamah Sesyen Temerloh Untuk kertas siasatan ini, semua OKT mengaku bersalah. Arahan adalah seperti berikut: i)B4:Penjara 1 tahun daripada tarikh tangkap Tiada syor dicadangkan **(SELESAI)**
	OKT telah mengaku bersalah pada 18.10.2024 Hukuman: Denda RM5,000.00. Gagal bayar, 6 bulan penjara. Passport untuk dikembalikan selepas denda dibayar **(SELESAI)**

Bil. Kes Mengikut Bulan Tahun 2024



PERBELANJAAN

Mengurus (B07)

Pada tahun 2024, sebanyak RM59,304,373.00 telah diperuntukkan kepada jabatan ini untuk membiayai perbelanjaan mengurus, di mana pada akhir tahun sebanyak RM53`,728,136.72 telah dibelanjakan iaitu 90.60% berbanding dengan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Perbelanjaan peruntukan Mengurus (B07) tahun 2024 adalah seperti mana berikut : -

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS %
1.	Gaji Dan Upahan	33,208,839.54	30,735,889.35	92.55
2.	Elaun/Imbuhan Tetap	9,656,034.46	7,921,883.73	82.04
3.	KWSP	1,053,051.00	434,850.00	41.29
4.	Elaun Lebih Masa	1,960,624.00	1,636,190.52	83.45
5.	Faedah Kewangan Yang Lain	128,900.00	80,005.50	62.07
6.	Bantuan Khas Kewangan	130.00	-	0.00
7.	Perbelanjaan Sara Hidup	4,701,755.33	4,623,851.01	98.34
8.	Perhubungan Dan Utiliti	1,066,336.00	1,024,611.36	96.09
9.	Sewaan	296,946.00	273,278.85	92.03
10.	Bekalan Bahan Mentah/ Alat Ganti	1,331,547.67	1,282,200.19	96.29
11.	Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	902,615.00	859,570.55	95.23
12.	Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	1,927,670.00	1,869,396.31	96.98
13.	Perkhidmatan Ikhtisas/ Hospitaliti	2,719,904.00	2,680,491.35	98.55
14.	Harta Modal	350,010.00	305,918.00	87.40
15.	Pemberian Dalam Negeri	10.00	0.00	0.00
	JUMLAH	**59,304,373.00**	**53,728,136.72**	**90.60**

PEMBANGUNAN NEGERI (P07)

Pada tahun 2024, JPNP telah memperolehi peruntukan melalui Pembangunan Negeri (P07) sebanyak RM 2,644,009.00. Namun demikian, terdapat pelarasan peruntukan yang telah dikemaskini berjumlah RM 2,507,339.20. Prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2024 sebanyak RM 2,399,295.00 atau 95.69% daripada keseluruhan peruntukan dan dibelanjakan mengikut projek pembangunan yang dirancang. Maklumat perincian bagi Peruntukan Pembangunan Negeri (P07) adalah sepertimana jadual berikut : -

LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI P07

BIL	TAJUK/PROGRAM	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN %
1.	Pengurusan Sumber Hutan	711,000.00	711,000.00	698,765.16	98.28
2.	Penilaian Sumber Hutan	275,000.00	138,330.00	138,330.00	100.00
3.	Pembangunan Hutan Asli	600,001.00	600,001.00	599,603.00	99.93
4.	Pembangunan Ladang Hutan	2.00	2.00	0.00	0.00
5.	Sumber Bukan Kayu	4.00	4.00	0.00	0.00
6.	Pemeliharaan & Perlindungan	1.00	1.00	0.00	0.00
7.	Eko Pelancongan Dan Hutan Lipur	500,000.00	500,000.00	427,842.00	85.57

BIL	TAJUK/PROGRAM	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN %
8.	ICT & K-Perhutanan	50,000.00	50,000.00	48,990.00	97.98
9.	Pembangunan Modal Insan	100,001.00	100,001.00	98,685.00	98.68
10.	Pengurusan Tadahan Air & Hidrologi	18,000.00	18,000.00	17,000.28	94.45
11.	Infrastruktur Dan Kemudahan	350,000.00	350,000.00	330,280.00	94.37
12.	Central Forest Spine	40,000.00	40,000.00	39,800.00	99.50
	JUMLAH	**2,644,009.00**	**2,507,339.20**	**2,399,295.90**	**95.69**

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)

Pada tahun 2024, JPNP telah diperuntukkan sebanyak RM 25,818,181.00 (peruntukan asal). Ini adalah termasuk bagi perbelanjaan peruntukan KWPH bagi projek-projek Pembangunan hutan dan KWPH bagi maksud mengurus (perkhidmatan, bekalan dan harta modal). Walau bagaimanapun, terdapat pelarasan peruntukan yang telah dikemaskini berjumlah RM 26,077,503.45. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan KWPH adalah sebanyak RM 19,773,135.34 telah dibelanjakan untuk menjayakan aktiviti yang telah dirangka di bawah KWPH projek-projek Pembangunan Hutan dan KWPH bagi maksud mengurus. Pecahan daripada peruntukan ini adalah sepertimana berikut :-

LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)

BIL	TAJUK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN %
1.	Pengurusan Sumber Hutan	1,360,001.00	1,360,001.00	1,359,980.90	100.00
2.	Penilaian Sumber Hutan	420,000.00	389,952.14	389,952.14	100.00
3.	Pembangunan Hutan Asli	2,230,001.00	2,220,001.00	2,171,221.44	97.80
4.	Pembangunan Ladang Hutan	80,000.00	20,000.00	19,950.00	99.75
5.	Sumber Bukan Kayu	105,003.00	105,003.00	104,682.00	99.69
6.	Pemeliharaan Dan Perlindungan	710,000.00	1,046,322.45	685,553.40	65.52
7.	Eko-Pelancongan Dan Hutan Lipur	1,395,006.00	1,506,405.50	991,081.00	65.79
8.	ICT dan K-Perhutanan	400,000.00	260,000.00	217,557.00	83.68
9.	Pembangunan Modal Insan	2,240,003.00	2,387,750.86	1,957,375.58	81.98
10.	Infrastruktur & Kemudahan Lain	5,885,008.00	5,788,908.50	4,752,011.08	82.09
	JUMLAH	**14,825,022.00**	**15,084,344.45**	**12,649,364.54**	**83.86**

PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH) BAGI MAKSUD MENGURUS (PERKHIDMATAN, BEKALAN DAN HARTA MODAL)

BIL	TAJUK/PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS %
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan	5,703,806.00	3,943,038.00	68.97
2.	Pembelian Harta Modal	5,374,493.00	3,435,274.00	63.92
	JUMLAH	**11,078,299.00**	**7,378,312.00**	**66.60**

KUTIPAN HASIL DAN SES PEMBANGUNAN HUTAN

Pada tahun 2024, JPNP telah berjaya menyumbangkan hasil kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM92,655,913.91 melalui kutipan premium, royalti kayu balak, royalti hasil hutan kecil, dan kutipan daripada sumber hutan lain. Manakala, jumlah kutipan ses pula adalah sebanyak RM24,184,194.81. Jumlah kutipan hasil sepanjang tahun 2024 adalah seperti mana berikut :-


JUMLAH KUTIPAN HASIL

BIL	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)
1.	Premium	36,769,140.81
2.	Royalti	27,709,286.81
3.	Hasil Hutan Yang Lain	28,177,486.29
	JUMLAH HASIL (RM)	**92,655,913.91**
	SES	**24,184,194.81**
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**116,840,108.72**


OPERASI BERSEPADU TAHUN 2024

BIL.	OPERASI BERSEPADU	TARIKH	AGENSI TERLIBAT
1	OPS Bersepadu Tanah Haram	11.01.2024	Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang
2	OPS Bersepadu	30.01.2024	Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang
3	OPS Tanglong 2.0	20,21,25,26 & 27 Feb 2024	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
4	Operasi Sekat 1.0 (OPS Sekat)	24 April 2024 hingga 01 Jun 2024	PDRM,UPNP,PDT dan JPNP
5	Rondaan Pasca OPS Sekat	02 Jun 2024 hingga 03 Ogos 2024	PDRM,UPNP,PDT dan JPNP
6	Operasi Bersepadu Penguatkuasaan	04 Ogos hingga 30 Ogos 2024	PDRM,UPNP,PDT dan JPNP
	Operasi Lombong Haram	13 & 14 Ogos 2024	JPNP & PDRM
7	Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Hutan Simpan Bertam Cameron Highlands	16 Ogos 2024	JPNP,PDRM & UPNP
8	Operasi Penguatkuasaan Secara Bersepadu Di Daerah Cameron Highlands	22-27 September 2024	JPNP,PDRM,UPNP, Imigresen,JKR,PDT Cameron Highlands, TNB
9	Operasi Bersepadu Transit (OPS Transit)	24 - 26 Oktober 2024	JPNP, JPNNS, PDRM, JPJ
10	Operasi Bersepadu Industri Berasas Kayu Negeri Pahang 2024 Di Daerah Kuantan/Pekan/Maran	05-08 November 2024	JPNP,JAS,PDT,PTG,Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Daerah Maran
11	Operasi Bersepadu Khazanah	Setiap bulan (Tarikh mengikut penganjur Jabatan PERHILITAN)	JPNP, Jabatan PERHILITAN dan PDRM

JUMLAH PENGUNJUNG KE TAMAN EKO RIMBA NEGERI PAHANG



JUMLAH PENDAKI BAGI AKTIVTI PENDAKIAN GUNUNG DI KAWASAN HUTAN LIPUR NEGERI PAHANG



BIL	KAWASAN/ GUNUNG	JUMLAH %
1	GUNUNG IRAU	67.3 %
2	AIR TERJUN PELANGI	12.9 %
3	GUNUNG SIKU	8.3 %
4	GUNUNG BEREMBUN	7.3 %
5	PINE TRAIL	4.2 %

SENARAI TAMAN EKO RIMBA & HUTAN TAMAN NEGERI SELIAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

BIL	TAMAN EKO-RIMBA (TER)	HUTAN TERBUKA
1	TER BUKIT PELINDUNG	ADA
2	TER JERANGKANG	ADA
3	TER TELADAS	ADA
4	TER GUNUNG SENYUM	ADA
5	TER BUKIT BERTANGGA	ADA
6	TER JERANGSANG	ADA
7	TER TERENGGUN	ADA
8	TER LATA LEMBIK	TIADA
9	TER JERIAU	TIADA
10	TER LATA BEREMBUN	ADA
11	TER KENONG	ADA
12	TER LATA MERAUNG	ADA
13	TER CHAMANG	ADA
14	TER SUNGAI PAUH	TIADA
15	TER MOSSY FOREST	ADA
16	TER PARIT FALL BERTAM	TIADA
17	TER MENCHALI	ADA
18	KOMPT 9 HSK PAYA LAUT	TIADA
19	TER BESERAH	ADA


BIL	HUTAN TAMAN NEGERI (HTN)	HUTAN TERBUKA
1	HTN CHINI	ADA
2	HTN LUBUK YU	ADA
3	HTN CAMERON HIGHLANDS	ADA
4	HTN TAMAN NEGERI ROMPIN	ADA

SENARAI PENSWASTAAN TAMAN EKO RIMBA

BIL	TAMAN EKO-RIMBA (TER)	HUTAN TERBUKA	STATUS PAJAKAN
1	TER SRI PANCHING SG. PANDAN	ADA	OPERATOR
2	TER BERKELAH	ADA	OPERATOR
3	AIR TERJUN PELANGI	TIADA	OPERATOR
4	TER LUBUK YU	ADA	OPERATOR
5	HSK LAKUM KOMPT 14	TIADA	OPERATOR
6	TER LENTANG	ADA	OPERATOR
7	TER LATA JARUM	TIADA	OPERATOR
8	TER ULU TEMBELING	ADA	OPERATOR
9	TER KEM NUSA	ADA	OPERATOR
10	SAHABAT ALAM ULU TAMPIK	TIADA	OPERATOR
11	GT. INTERNASIONAL	TIADA	OPERATOR
12	EMERALD PROSPEKTIF SDN BHD	TIADA	OPERATOR
13	SITRAC CIRPORATION	TIADA	OPERATOR
14	GT ASIA	TIADA	OPERATOR
15	TER PARIT FALL	TIADA	OPERATOR
16	ROMPIN EKO PARK SDN BHD	ADA	OPERATOR

MAKLUMAT SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN

PENERIMAAN ADUAN AWAM NEGERI PAHANG TAHUN 2024




JUMLAH ADUAN

JUMLAH ADUAN AWAM YANG DITERIMA TAHUN 2024 = 105 ADUAN

KATEGORI ADUAN AWAM TAHUN 2024

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	KESALAHAN KAWASAN LESEN	11
2	KESALAHAN TRANSIT	11
3	PENCEROBOHAN HUTAN	56
4	PENCEROBOHAN TANAH	16
5	PENCEMARAN ALAM	12
6	PERLOMBONGAN HARAM	5
7	EIBK	0
8	LAIN-LAIN ADUAN	4




PECAHAN ADUAN AWAM MENGIKUT DAERAH/UNIT TAHUN 2024

BIL	Unit/PHD	JUMLAH
1	Jumlah Aduan	25
2	UPK Barat	22
3	Kuantan/Pekan/Maran	9
4	Rompin	7
5	Lipis	4
6	Jerantut	5
7	Raub	5
8	Bentong	7
9	Temerloh/Bera	7
10	Cameron Highlands	14

KATEGORI KESALAHAN HUTAN TAHUN 2024


BIL	KATEGORI	JUMLAH
1	KESALAHAN KAWASAN LESEN	10
2	KESALAHAN TRANSIT	16
3	PENCEROBOHAN HUTAN	57
4	PERLOMBONGAN HARAM	3
5	EIBK	0



JUMLAH KES KESALAHAN HUTAN TAHUN 2024 = **86 KES**

BILANGAN KESALAHAN HUTAN MENGIKUT DAERAH TAHUN 2024

BIL	Unit/PHD	JUMLAH
1	Kuantan/Pekan/Maran	7
2	Rompin	8
3	Lipis	10
4	Jerantut	5
5	Raub	32
6	Bentong	7
7	Temerloh/Bera	11
8	Cameron Highlands	7



PELAKSANAAN OPERASI BERSEPADU 2024

OPS BERSEPADU TANAH HARAM
11.01.2024
HS KERTAM, DAERAH MARAN

OPS BERSEPADU
30.01.2024
HS BALOK, DAERAH KUANTAN

OPS TANGLUNG 2.0
20,21,25-27.02.2024
SELURUH JALAN UTAMA DI NEGERI PAHANG

OPS SEKAT 1.0
24.04.2024 – 01.06.2024
TANAH KERAJAAN DAN HUTAN SIMPAN DAERAH RAUB

RONDAAN PASCA OPS SEKAT
02.06.2024 – 03.08.2024
TANAH KERAJAAN DAN HUTAN SIMPAN DAERAH RAUB

OPS BERSEPADU PENGUATKUASAAN
04.08.2024 – 30.08.2024
TANAH KERAJAAN DAN HUTAN SIMPAN DAERAH RAUB

OPS BERSEPADU HS BERTAM
16.08.2024
HS BERTAM, CAMERON HIGHLANDS

OPS BERSEPADU DAERAH CAMERON HIGHLANDS
22-27.09.2024
HS MENTIGI, HS BERTAM, HS SG. ICHAT & HS BT. GANGAN HIGHLANDS

OPS BERSEPADU TRANSIT
24-26.10.2024
JALAN UTAMA DI BENTONG, TEMERLOH DAN JELEBU

OPS BERSEPADU IBK
05-08.11.2024
KILANG-KILANG KAYU DI DAERAH KUANTAN/ PEKAN/MARAN

OPS BERSEPADU KHAZANAH
SEPANJANG TAHUN SELURUH NEGERI PAHANG



MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

BENTONG

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**90,282.810**
	-	Hutan Darat (Ha)	**84,799.310**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**5,483.50**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**-**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**-**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**28.39**
	-	Tanah Milik (Ha)	**-**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**1,090.61**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**18,362.72**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**47,419.14**
	b)	SES (RM)	**31,267.40**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**8**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**1**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**-**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**2**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**43,861.61**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**16,360.78**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**618**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**264**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**2**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**1**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**115**
	b)	Pengisian Jawatan	**60**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

JERANTUT

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**380,367.00**
	-	Hutan Darat (Ha)	**377,297.19**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**3,069.81**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**-**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**3,035.45**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**20.19**
	-	Tanah Milik (Ha)	**718.61**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**282,840.31**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**491,913.40**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**8,230,265.14**
	b)	SES (RM)	**7,899,174.72**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**9**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**3**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**-**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**5**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**72,097.53**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**54,284.30**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**1,695**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**105**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**3**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**7**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**138**
	b)	Pengisian Jawatan	**88**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

DAERAH KUANTAN/PEKAN MARAN

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**276,454.397**
	-	Hutan Darat (Ha)	**188,816.657**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**86,065.00**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**1,305.86**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**267.00**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**33.64**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**840.47**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**22.09**
	-	Tanah Milik (Ha)	**156.4825**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**103,477.34**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**534,495.56**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**3,445,504.52**
	b)	SES (RM)	**2,967,171.33**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**29**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**1**
	-	Kilang Kayu Kumai	**1**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**26**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**3**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**59,942.29**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**2,547.39**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**57,932.12**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**1,902.39**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**1,433**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**421**
	-	Kilang Kayu Kumai	**203**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**6**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**1**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**138**
	b)	Pengisian Jawatan	**115**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

LIPIS

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**228,998.997**
	-	Hutan Darat (Ha)	**288,573.457**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**425.54**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**-**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**2,483.46**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**85.07**
	-	Tanah Milik (Ha)	**25.4669**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**142,152.85**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**274,893.42**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**4,070,164.25**
	b)	SES (RM)	**3,974,395.36**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**15**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**1**
	-	Kilang Kayu Kumai	**1**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**-**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**2**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**235,866.44**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**142,221.81**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**1,717**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**29**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**3**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**2**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**122**
	b)	Pengisian Jawatan	**76**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

RAUB

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**136,493.270**
	-	Hutan Darat (Ha)	**135,153.380**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**1,339.89**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**105.43**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**33.26**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**84.71**
	-	Tanah Milik (Ha)	**127.2280**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**6,311.08**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**273,895.73**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**399,707.26**
	b)	SES (RM)	**209,815.76**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**6**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**1**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**3**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**-**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**36,243.58**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**9,717.14**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**545**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**421**
	-	Kilang Kayu Kumai	**203**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**2**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**-**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**64**
	b)	Pengisian Jawatan	**44**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

ROMPIN

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**209,285.463**
	-	Hutan Darat (Ha)	**195,831.213**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**11,585.45**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**516.38**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**1,352.42**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**907.44**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**1,177.74**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**226.145**
	-	Tanah Milik (Ha)	**74.05**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**157,419.62**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**740,757.60**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**5,009,744.96**
	b)	SES (RM)	**4,317,457.70**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**1**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**-**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**-**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**5**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**-**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**109**
	b)	Pengisian Jawatan	**-**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

TEMERLOH / BERA

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**162,044.250**
	-	Hutan Darat (Ha)	**138,732.650**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**23,311.60**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**31,071.49**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**1,765.62**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**28.0**
	-	Tanah Milik (Ha)	**8.8957**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**72,234.25**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**537,397.28**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**2,389,071.10**
	b)	SES (RM)	**2,032,846.24**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**36**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**5**
	-	Kilang Kayu Kumai	**6**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**2**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**18**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**199,462.81**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**18,749.04**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**21,654.57**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**166,557.32**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**17,483.34**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**22,753.59**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**3,750**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**1,555**
	-	Kilang Kayu Kumai	**897**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**4**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**-**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**145**
	b)	Pengisian Jawatan	**109**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.

MAKLUMAT PERANGKAAN DAERAH

CAMERON HIGHLANDS

KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN (HA)			
1.	**Sumber Hutan**		
	a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	**44,669.563**
	-	Hutan Darat (Ha)	**44,669.563**
	-	Hutan Paya Gambut (Ha)	**-**
	-	Hutan Paya Laut (Ha)	**-**
	b)	Ladang Hutan (Ha)	**-**
	c)	Rezab Hidupan Liar	**-**
2.	**Pengusahasilan Hutan**		
	a)	Keluasan Usahasil (Ha)	
	-	Hutan Simpan Kekal (Ha)	**-**
	-	Tanah Kerajaan (Ha)	**-**
	-	Tanah Milik (Ha)	**-**
	b)	Pengeluaran	
	-	Kayu Balak (m^3)	**-**
	-	Hasil Hutan Lain (RM)	**-**
3.	**Kutipan Hasil**		
	a)	Royalti (RM)	**-**
	b)	SES (RM)	**-**
4.	**Industri Hutan**		
	a)	Bilangan Lesen	
	-	Kilang Papan	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
	-	Kilang Perabot/Kerja Kayu	**-**
	-	Kilang Papan Serpai/Serpih	**-**
	b)	Penggunaan Kayu Balak/Gergaji	
	-	Kilang Papan (m^3)	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	c)	Pengeluaran	
	-	Kilang Papan (m^3)	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir (m^3)	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai (m^3)	**-**
	d)	Bilangan Pekerja	
	-	Kilang Papan	**-**
	-	Kilang Papan Lapis/Venir	**-**
	-	Kilang Kayu Kumai	**-**
5.	**Renj Hutan**		
	a)	Bilangan Renj	**-**
	b)	Bilangan Sub-Renj	**-**
6.	**Perjawatan**		
	a)	Bilangan Jawatan	**55**
	b)	Pengisian Jawatan	**28**

*Maklumat Industri Hutan berdasarkan Laporan Shuttle 3, 4 & 5 yang diterima.



ARTIKEL

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGHUTANAN SEMULA DI DALAM
HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI PAHANG DENGAN SYARIKAT AMAT BAYU SDN BHD

Disediakan oleh : Nurul Asyikin Mohd Shafullah (Penolong Pemelihara Hutan, Pejabat Hutan Daerah Raub)

Majlis Pelancaran Projek Penghutanan Semula di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Pahang telah berjaya dilaksanakan pada 29 Januari 2024 yang bertempat di Hutan Simpan Tersang, Daerah Raub. Majlis bersejarah ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail dan ia menandakan permulaan rasmi kepada satu inisiatif pemuliharaan alam sekitar yang penting dalam memastikan kelestarian ekosistem hutan negara.

Projek Penghutanan Semula ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bersama Syarikat Amat Bayu Sdn Bhd yang mana ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pahang bagi memastikan peningkatan terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Negeri Pahang. YAB Menteri Besar Pahang melalui ucapannya berkata, "Ini adalah usaha Kerajaan Negeri untuk penghijauan yang mana hutan-hutan ini kita akan pelihara dan buat pemulihan supaya sesuai dengan konsep ESG." selari dengan objektif utama projek; untuk mengembalikan fungsi hutan sebagai kawasan tadahan air, habitat biodiversiti, serta menyumbang kepada keseimbangan karbon dalam menghadapi perubahan iklim.

Projek ini turut mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penyertaan komuniti setempat, termasuk pelajar, sukarelawan alam sekitar, dan penduduk kampung sekitar, mencerminkan kesedaran dan keprihatinan awam terhadap pentingnya pemuliharaan hutan bagi kesejahteraan bersama. Majlis Pelancaran Projek Penghutanan Semula ini bukan sahaja membuka lembaran baharu dalam agenda pemuliharaan hutan, malah menjadi pemangkin kepada komitmen kolektif dalam memulihara khazanah alam yang tidak ternilai. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini dan berharap kerjasama ini akan diteruskan dalam fasa-fasa pelaksanaan akan datang.



Gimik perasmian Pelancaran Projek Penghutanan Semula Dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Pahang oleh YAB Menteri Besar Pahang.



Simbolik penanaman pokok oleh YAB Menteri Besar Pahang bersama Pengarah Syarikat Amat Bayu Sdn Bhd, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dan Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang.

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI

HUTAN MOSSY FOREST, CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Disediakan oleh : Nor Eizrien Eriyanie binti Hamidun (Penolong Pemelihara Hutan)Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Barat

Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest, Cameron Highlands, Pahang telah diadakan pada 7 – 8 Mac 2024 bertempat di Hotel Zenith, Cameron Highlands, Pahang. Seminar yang berlangsung selama dua hari ini merupakan kesinambungan daripada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Mossy Forest, Cameron Highalands, Pahang yang telah dilaksanakan pada 10 – 14 Mac 2023 yang lepas. Sebanyak 29 kertas kerja hasil kajian dan penemuan daripada ekspedisi tersebut telah dibentangkan di seminar ini.

Seminar selama dua hari ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Pahang Dato' Deri Zulkifli Yaacob melalui teks ucapan yang dibaca oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato Ali Syahbana Sabarudin.

Sebanyak dua puluh sembilan (29) kertas kerja dan 1 poster telah dibentangkan oleh para penyelidik selama seminar ini berlangsung. Berdasarkan kepada pembentangan daripada para penyelidik, didapati bahawa Hutan Mossy Forest sememangnya mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi terdiri daripada flora dan fauna. Kepelbagaian spesies flora di Hutan Mossy Forest ini menunjukkan kadar kepelbagaian yang tinggi, dan sekiranya tinjauan dilakukan pada musim panas, potensi untuk pengumpulan dan pengenalpastian spesies adalah lebih baik disebabkan kebolehdapatan spesimen buah dan bunga untuk membantu proses pengecaman. Usaha untuk memulihara spesies-spesies ini adalah amat penting untuk tujuan kesedaran umum dan kepentingan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Kajian yang dijalankan juga mendapati terdapat banyak mamalia kecil di Hutan Mossy Forest. Nilai indeks kepelbagaian spesies menunjukkan kepelbagaian spesies di sekitar Hutan Mossy Forest ini adalah sederhana dan berada dalam keadaan baik.









PROGRAM PERHIMPUNAN BULANAN

BERSAMA WARGA KERJA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG DAN MAJLIS IFTAR BIL. 2/2024

Tarikh : 25 Mac 2024 (Isnin)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Kompleks Dagangan Mahkota
Sektor 2, Jalan Sultan Ahmad Shah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan.

Jabatan telah menganjurkan program Perhimpunan Bulanan bersama Warga Kerja Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Dan Majlis Iftar Bil. 2/2024 pada 25 Mac 2024 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang. Program ini bermula pada jam 2.00 petang dan dihadiri seramai 350 orang pegawai dan kakitangan jabatan daripada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Pengarah Perhutanan Negeri Pahang iaitu YBrs. Tuan Haji Roslan bin Rani telah menyampaikan amanat beliau mengenai hala tuju jabatan, sasaran tahunan serta peranan dan tugasan yang perlu diberi penekanan oleh warga jabatan. Selain itu, pengisian program ini turut memperkenalkan pegawai lantikan baharu, pegawai bertukar masuk, penyampaian Anugerah Khas Pengarah (AKP) dan Anugerah Warga Kerja Contoh (AWKC).

Pada jam 5.00 petang, pengagihan bubur lambuk dan pokok semaian telah diberikan kepada para hadirin. Selepas itu, program diteruskan dengan aktiviti Tazkirah Ramadan diikuti sesi penyampaian sumbangan kepada anak- anak yatim. Pada jam 7.18 petang, Majlis Iftar Ramadan dimulai dengan berbuka puasa dan solat Maghrib. Program tamat dan bersurai pada jam 8.30 malam.









PUSPANITA JPN Pahang telah bersama-sama deangan kakitangan JPN Pahang membuat bubur lambuk Ihya Ramadhan pada 25 Mac 2024 (Isnin) di Perkarangan Pejabat Pembangunan Hutan, Bukit Sekilau. Program ini telah disertai seramai 50 orang Ahli PUSPANITA JPN Pahang.







PUSPANITA JPN Pahang telah menyertai Program Penanaman Pokok di Perkarangan Rumah Abang Jamil, Seberang Balok, Kuantan pada 26 April 2024. Program ini telah disertai 30 orang Ahli PUSPANITA JPN Pahang bersama-sama kakitangan JPN Pahang.

MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG TAHUN 2024

Tarikh : 26 April 2024 (Jumaat)
Masa : 3.30 Petang – 6.00 Petang
Tempat : Rumah Abang Jamil
Lot 4281 Lorong Seberang Balok 3/6 Balok,
26100 Kuantan, Pahang.









Jabatan telah menganjurkan program Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Tahun 2024 pada 26 April 2024 bertempat di Rumah Abang Jamil, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tetamu jemputan terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Ketua-ketua Jabatan Negeri/ agensi di Negeri Pahang, pengurusan atasan JPSM, Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri, *stakeholders* dan warga kerja JPNP keseluruhannya. Program ini berlangsung dengan suasana meriah dan para tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah dan minuman sempena Hari Raya Aidilfitri. Program ini bermula pukul 3.30 petang dan berakhir pada pukul 6.00 petang. Dianggarkan seramai 700 tetamu dan kakitangan jabatan hadir di majlis tersebut.

Program Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri merupakan acara tahunan anjuran jabatan bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta kerjasama di kalangan jabatan/agensi dan *stakeholders* di samping mengukuhkan kerjasama sesama warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

PROGRAM FAMILIARISASI DAN TAKLIMAT AUDIT PEMATUHAN
'TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM' SEMENANJUNG (MyTLAS) NEGERI PAHANG

Disediakan oleh : Line @ Norline binti Zarnudin Penolong Pengarah Industri Dan Pengusahasilan

Program familiarisasi dan taklimat audit pematuhan 'Timber Legality Assurance System' Semenanjung (MyTLAS) Negeri Pahang dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Kayan (Malaysia Timber Industry Board – MTIB) telah diadakan di Dewan Bakawali, Kompleks Tun Razak Indera Mahkota, Kuantan.

Program ini bertujuan menerangkan keperluan ke atas kepatuhan peraturan dan undang-undang yang dibangunkan melalui sistem MyTLAS Semenanjung, kepada pemain industri berasas kayu. Penyertaan daripada pemain industri berasas kayu adalah seramai 80 orang. Turut hadir sama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan negeri Pahang dalam sesi program ini memberi taklimat berkaitan pencegahan penyakit pekerjaan kebangsaan (National Occupational Disease Prevention Program - NODIP).

Akhir program diadakan lawatan simulasi ke Kilang Papan Fenglin Lumber Sdn. Bhd. di Kuantan bagi simulasi persediaan audit dengan lebih berkesan dan teratur mengikut undang-undang yang berkuatkuasa.





EKSPIDISI PENDAKIAN GUNUNG RINJANI,
LOMBOK INDONESIA 2024

Disediakan oleh: Haffiz bin Baharuddin

PEKSJAP telah menganjurkan satu ekspidisi pendakian ke Gunung Rinjani, Lombok, Indonesia pada 27 hingga 30 Mei 2024. Gunung Rinjani yang berketinggian 3,726 meter adalah diantara gunung yang mencabar di Rantau Asia dan memerlukan kekuatan fizikal serta mental untuk sampai ke puncaknya. Seramai 4 orang pegawai kanan JPNP telah menyertai misi ini iaitu Pegawai Hutan Daerah Jerantut, Pegawai Hutan Daerah Bentong, Pegawai Hutan Daerah CH dan Pen. Pengarah Kanan (Penguatkuasaan) Zon Pahang Barat dan berjaya menawan puncak gunung pada hari kedua pendakian. Selain ekspidisi ini, PEKSJAP juga telah membuat sumbangan derma kepada Pondok Pesantren Lombok yang terletak di kaki Gunung Rinjani ini.











PERKHEMAHAN LESTARI ALAM SEKITAR UNIT BERUNIFORM
TAMAN EKO RIMBA GUNUNG SENYUM, TEMERLOH

Seramai 114 murid dari Sekolah Kebangsaan Selayang Baru (1), Gombak telah menyertai Program Perkhemahan Lestari Alam Sekitar Unit Beruniform yang berlangsung pada 12 hingga 14 Julai 2024 bertempat di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Senyum, Temerloh.

Program ini melibatkan 39 murid lelaki dan 75 murid perempuan, dengan penyertaan seramai 30 orang guru pengiring. Turut serta adalah 15 orang kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Temerloh Bera, yang berperanan penting sebagai tenaga teknikal dan urusetia lapangan sepanjang program dijalankan.

Perkhemahan ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dan memantapkan jati diri murid melalui aktiviti berorientasikan alam semula jadi. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah:

1. Kem Motivasi – Membangunkan nilai kepimpinan, kerjasama dan ketahanan diri dalam kalangan peserta.

2. Penjelajahan Gua – Eksplorasi ke dalam gua-gua semula jadi di kawasan Gunung Senyum untuk mengenali ekosistem unik dan warisan geologi tempatan.

3. Penanaman Pokok – Sebanyak 300 anak pokok telah ditanam, terdiri daripada spesies nadir, teduhan dan balak, sebagai sumbangan terhadap pemuliharaan hutan dan pemulihan ekosistem.

4. Latihan Asas Kelangsungan Hidup di Hutan – Memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik asas bertahan dalam persekitaran hutan seperti membina tempat perlindungan, mengenal pasti sumber makanan dan air semula jadi, serta memahami isyarat kecemasan.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Pegawai Hutan Daerah Temerloh/Bera, yang turut menyaksikan sesi menandatangani Nota Kerjasama antara Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera dan SK Selayang Baru (1). Dengan termeterai nya Nota Kerjasama ini, menandakan komitmen kedua-dua pihak untuk meneruskan kerjasama strategik dalam menjayakan lebih banyak program pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar pada masa akan datang.

Program ini bukan sahaja memberi pengalaman bermakna kepada murid, malah menyemai rasa cinta terhadap alam dan tanggungjawab sebagai penjaga bumi dalam kalangan generasi muda.



Sesi menandatangi Nota Kerjasama antara Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera dan SK Selayang Baru (1)



Taklimat kepada murid sebelum aktiviti penerokaan gua



Gambar kenang-kenangan semasa menjalani aktivti penerokaan gua bersama peserta



Gambar kenang-kenangan semasa menjalani aktivti penanaman pokok bersama peserta

MAJLIS JAMUAN MALAM

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023 & JASAMU DIKENANG 2024, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Tarikh : 08 Ogos 2024 (Khamis)
Masa : 8.00 malam
Tempat : Kompleks Dagangan Mahkota
Sektor 2, Jalan Sultan Ahmad Shah
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan

Jabatan telah mengadakan Majlis Jamuan Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 & Jasamu Dikenang 2024 pada 08 Ogos 2024 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan, Pahang. Program ini bermula pada pukul 8.00 malam dan dihadiri seramai 400 orang pegawai dan kakitangan jabatan daripada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Para jemputan turut disajikan juadah makan malam secara hidangan dome diiringi persembahan musik akuistik.

Pengarah Perhutanan Negeri Pahang iaitu YBrs. Tuan Haji Roslan bin Rani telah menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2023 kepada 78 penerima, Anugerah Warga Kerja Contoh (AWKC) kepada tiga (3) penerima dan Sijil Penghargaan Persaraan Pegawai Tahun 2024 kepada 30 orang pegawai.

Dalam majlis ini juga, YBrs. Pengarah juga telah diraikan sempena pertukaran beliau ke Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagai Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan berkuatkuasa 29 Julai 2024. Selepas sesi fotografi, majlis tamat dan bersurai pada pukul 10.30 malam.

Penganjuran program ini diadakan setiap tahun bagi memberikan motivasi kepada anggota Jabatan yang lain dalam meningkatkan mutu kerja agar lebih cemerlang dan komited dalam menjalankan tugas di samping meraikan bakal pesara bagi menghargai sumbangan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai.



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-67
PERINGKAT NEGERI PAHANG

Lebih kurang 65,000 pengunjung memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 Peringkat Negeri Pahang bagi menyaksikan kibaran jalur gemilang dan perbarisan yang disertai semua jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta orang awam di Negeri Pahang.

Hari kebangsaan pada tahun 2024 ini bertemakan "MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA." Tema yang dipilih membawa lambang kesepaduan secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati diri. Perarakan tahun ini tampak meriah dengan penglibatan sebanyak 111 kontinjen dengan pecahan 72 kontinjen berjalan kaki dan 39 kontinjen berkenderaan dengan jumlah peserta seramai 4,145 orang dan 563 buah kenderaan.



▲ Pegawai dan kakitangan Unit penguatkuasaan JPNP

Seksyen penguatkuasaan Negeri Pahang sekali lagi diberi tanggungjawab sebagai penyelaras bagi sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67, meneruskan peranan yang telah dimainkan pada tahun sebelumnya. Seramai 60 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menyertai dan mengambil bahagian dalam perbarisan dan perarakan aset kenderaan. Warga JPNP mengenakan pakaian seragam lengkap yang melambangkan identiti dan disiplin Jabatan mewarnai acara perbarisan ini. Dalam perarakan aset kenderaan JPNP pula, sebanyak 4 jenis kenderaan dan jentera pelbagai fungsi telah mengambil bahagian, ia termasuk Toyota Hilux, Lori BPH Bergerak serta Motosikal

Peronda Hutan. Tujuan perarakan kenderaan ini adalah bagi memperkenalkan simulasi aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPNP dalam melindungi khazanah alam negara kepada masyarakat.



▲ Sebahagian aset kenderaan JPNP



Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 di Padang MBK 1 ini juga diserikan dengan kehadiran Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Ketibaan Paduka Baginda diiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail; YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Zulkifli Haji Yaacob; dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pahang turut hadir bersama bagi memeriahkan sambutan.

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT DAERAH TEMERLOH 2024:

MALAYSIA MADANI: JIWA MERDEKA

Pada bulan Ogos 2024, Daerah Temerloh telah menyemarakkan semangat patriotisme dengan mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan yang penuh gilang-gemilang. Acara ini telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah Temerloh dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, swasta, dan komuniti setempat.

Sambutan dimulakan dengan perarakan Merdeka yang berlangsung di Dataran Temerloh. Perarakan ini melibatkan penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah, pasukan beruniform, badan-badan NGO, serta pelbagai kumpulan masyarakat. Mereka mempersembahkan pelbagai formasi kreatif, termasuk pancaragam, tarian tradisional, dan persembahan kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaian etnik dan budaya di daerah ini.

Pegawai Daerah Temerloh, YH Dato' Khairur Rizal Ramli, dalam ucapannya menekankan pentingnya perpaduan dan kerjasama dalam membina masa depan yang lebih gemilang. Beliau mengajak seluruh warga Temerloh untuk menghargai nikmat kemerdekaan yang dikecapi dan terus berusaha bersama-sama untuk memajukan daerah ini.

Pada sambutan kali ini, Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera (PHDTB) turut menyertai acara perarakan perbarisan sempena Hari Kebangsaan Ke-67, tahun 2024 dengan penyertaan seramai 33 orang kakitangan PHDTB. Dengan semangat jiwa merdeka dan kerjasama erat, kontingen ini berjaya mengekalkan Anugerah Pakaian Terbaik yang dimenangi pada edisi terdahulu, sekali gus menonjolkan komitmen dan kreativiti dalam meraikan semangat kemerdekaan yang tidak pernah pudar dalam kalangan kakitangan PHDTB.

Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Daerah Temerloh 2024 ini berjaya menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kerja PHDTB. Dengan semangat perpaduan dan kecintaan terhadap negara, PHDTB akan terus melangkah ke arah masa depan yang lebih gemilang dan berjaya.



▲ Barisan Tetamu Kehormat dan Pegawai Kanan Daerah Temerloh



▲ Kontijen Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera



▲ Sambutan penuh meriah dari warga Temerloh yang hadir



▲ PDRM mengetuai acara Perarakan dan Perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2024



▲ Perarakan berkuda oleh Kelab Warisan Temerloh



▲ Bacaan Lafaz Ikrar dan Rukun Negera



▲ Ucapan Pegawai Daerah Temerloh, YH Dato' Khairur Rizal Ramli



▲ Pejabat Hutan Daerah Temerloh Berjaya mendapat Anugerah Pakaian Terbaik

KURSUS DRONE UNTUK KAKITANGAN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Pada 9 hingga 13 September 2024 Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menghantar 2 orang kakitangan untuk menghadiri kursus drone yang dijalankan di Academy Drone Asia (M) Cyberjaya. Kursus ini dengan kerjasama diantara Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan Deutsche Gesellschaft Für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) di bawah program The Sustainable Use of Peatlands and Haze Mitigation in ASEAN (SUPA). Dalam kerjasama ini En. Ahmad Aizuddin Bin Hashim (Penolong Pegawai Hutan Daerah Rompin I) dan Encik Nazri Bin Ab. Rahman (Penolong Pegawai Hutan Renj. Sungai Lembing) telah terpilih untuk menyertai kursus ini.



Kursus ini mempunyai dua bahagian iaitu teori dan amali yang merangkumi, undang-undang, kaedah penerbangan, isu semasa, keselamatan serta ujian bagi setiap peserta untuk lulus bagi membolehkan peserta kursus mempunyai kelayakan untuk mengendalikan drone. Pendedahan juga turut diberikan kepada setiap peserta kursus agar dapat memberikan keyakinan serta meningkatkan kebolehan dalam mengendalikan drone. Kesemua sesi pembelajaran (teori dan amali) dan ujian dilaksanakan dalam Bahasa Ingggeris sepenuhnya bagi memberi pemahaman penggunaan istilah antarabangsa. Berkat kegigihan serta kecekalan, kedua-dua kakitangan JPNP telah berjaya menamatkan sesi kursus tersebut. Kedua-dua mereka telah diberikan sijil kelayakan untuk pengendalian drone.



Hasil dari kursus yang telah dihadiri ini, penggunaaan drone dalam pengesanan kebakaran hutan dapat dilaksanakan serta dapat membantu dalam misi operasi kebakaran hutan dan memberikan satu nilai tambah kepada jabatan. JPNP juga turut menerima 2 buah drone yang diberikan oleh GIZ dalam projek SUPA ini iaitu, Dji matrix RTK 350 dan Dji Mavic 3 Enterprise (Thermal). Drone tersebut telah diserahkan kepada Pejabat Hutan Daerah Kuantan, Pekan Maran (PHD KPM) dan Pejabat Hutan Daerah Rompin (PHDR)







BANCI PERTANIAN 2024 BAGI KLUSTER
PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN NEGERI PAHANG

Program taklimat Banci Pertanian 2024 telah diadakan bermula 7 Julai 2024 dan berakhir pada 10 Oktober 2024. Sesi Taklimat dan Banci Pertanian 2024 bagi kluster perhutanan dan pembalakan Negeri Pahang telah dianjurkan bersama dengan Jabatan Perangkaan Negeri Pahang. Seramai 91 orang pengusaha aktiviti perhutanan dan pembalakan menyertai program ini di Dewan Bakawali Kompleks Tun Razak Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Majlis program ini telah dirasmikan oleh Nor Zaidi bin Jusoh, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Banci Pertanian ini diadakan bagi mendapat struktur dan ciri-ciri sektor perhutanan yang komprehensif dan terperinci pada suatu masa yang meliputi subsektor tanaman ladang hutan dan pembalakan bagi kluster perhutanan.









PENYERTAAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

DALAM PERTANDINGAN PERARAKAN SEPANDUK SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 1446H / 2024M ANJURAN JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG.

Tarikh : 16 September 2024 (Isnin)
Masa : 7.00 Pagi
Tempat : Mula - Taman Gelora, Jalan Sultan Ahmad, Kuantan
Tamat - Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.









Jabatan telah menyertai Pertandingan Perarakan Sepanduk Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur Tahun 1446H / 2024M anjuran Jabatan Agama Islam Pahang pada 16 September 2024. Persatuan Kebajikan dan Sukan JPNP (PEKSJAP) telah menyumbangkan peruntukan bagi penyertaan jabatan di dalam pertandingan ini.

Seramai empat puluh satu (42) orang kakitangan jabatan telah menyertai pertandingan ini orang terdiri daripada dua puluh satu (21) peserta lelaki dan dua puluh satu (21) peserta wanita. Setiap kontinjen berarak sejauh 3 km bermula dari Taman Gelora, Jalan Sultan Ahmad, Kuantan dan berkumpul di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Kriteria pemarkahan pertandingan ini melibatkan keseragaman perarakan pasukan, kreativiti hiasan sepanduk, nyanyian berzanji sepanjang berarak dan keseragaman pakaian. Berkat kesungguhan dan kerjasama jitu, kontinjen jabatan telah berjaya meraih tempat kedua (naib johan) dan menerima sijil penyertaan serta wang tunai sebanyak RM2,000.00.

Penyertaan jabatan di dalam program sebegini bertujuan untuk menyemai perasaan cinta kepada junjungan besar Rasulullah S.A.W., memupuk semangat berpasukan, mengeratkan hubungan silaturahim serta kerjasama di antara warga jabatan. Selain itu, penyertaan jabatan juga mencerminkan sokongan jabatan terhadap agama Islam sebagai agama rasmi negara.

EKSPEDISI EVEREST BASE CAMP (EBC)

Sempena memuliakan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang yang ke-65, satu Ekspedisi ke Everest Base Camp (EBC) telah berjaya dilaksanakan pada 9 hingga 25 September 2025 di Nepal.

Ekspedisi ini melibatkan seramai 45 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), pengamal media serta lapan orang kakitangan dari Pejabat KDPB Sultan Pahang. Wakil Jabatan Perhutanan Negeri Pahang diwakili oleh Puan Aishah binti Che Mohd yang merupakan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dari Seksyen Sokongan Teknologi Maklumat. Ekspedisi ini turut diketuai oleh Pengelola Bijaya Diraja Sultan Pahang, YH Dato' Ahmad Khirrizal Ab Rahman.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk memperingati ulang tahun keputeraan baginda dengan cara yang unik dan mencabar, malah turut menjadi platform bagi memupuk semangat kerjasama, daya tahan mental dan fizikal serta semangat patriotik dalam kalangan peserta.

Ekspedisi ke EBC yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental yang tinggi telah berjaya dilaksanakan dengan penuh jaya, sekali gus mengharumkan nama Negeri Pahang di persada antarabangsa.









OPERASI PENGUATKUASAAN SECARA BERSEPADU BAGI

MEMUSNAHKAN KAWASAN PERTANIAN HARAM DI HUTAN SIMPAN DI DAERAH CAMERON HIGHLANDS

CAMERON HIGHLANDS, 23-27 September 2024 – Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah melaksanakan operasi bersepadu selama lima hari bagi memusnahkan kebun sayur yang diusahakan secara haram dalam kawasan hutan simpan di Cameron Highlands. Operasi ini melibatkan 148 anggota penguatkuasa daripada pelbagai agensi dan berjaya memusnahkan 16.98 hektar kawasan pertanian haram di empat hutan simpan iaitu Hutan Simpan Sungai Ichat (0.9 hektar), Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar), Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar),dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar).

Selain tanaman sayur-sayuran seperti kacang buncis,lobak, kubis dan bawang, operasi tersebut turut memusnahkan 20 binaan haram termasuk kongsi, pondok, stor baja, dan rumah plstik yang didirikan dalam kawasan hutan simpan. Pekerja warga asing yang mengusahakan kebun tersebut sempat melarikan diri setelah menghidu pergerakan operasi penguatkuasa.

Tindakan pemusnahan ini diambil kerana pencerobohan hutan simpan menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Selepas pemusnahan, kira-kira 2,300 pokok hutan ditanam semula di kawasan terlibat sebagai langkah pemulihan.

Permintaan tinggi terhadap sayuran tanah tinggi Cameron Highlands menjadi faktor utama kegiatan pencerobohan hutan simpan di daerah ini terus berlaku walaupun tindakan penguatkuasaan dilakukan secara berterusan. JPNP akan terus meningkatkan pemantauan di semua kawasan hutan simpan di daerah ini bagi memastikan ia tidak diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab.








OPERASI BERSEPADU INDUSTRI BERASAS KAYU

BAGI TINDAKAN PENGUATKUASAAN KILANG YANG BEROPERASI SELAIN ZON PERINDUSTRIAN DAN SECARA HARAM DI NEGERI PAHANG

Operasi bersepadu industri berasas kayu (IBK) negeri Pahang telah diadakan dari 5 hingga 8 November 2025 bagi status kilang yang beroperasi selain zon perindustrian iaitu tanah pertanian dan beroperasi secara haram. Tujuan utama operasi ini adalah proses pemutihan yang telah diambil sejak tahun 2019 dan berakhir pada 31 Disember 2023. Operasi ini juga telah melibatkan kerjasama pelbagai agensi seramai 80 penguatkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Daerah Pekan, Majlis Daerah Maran, Jabatan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah Daerah Kuantan, Pekan dan Maran serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

Operasi ini telah diluluskan Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pahang ke 15/2024 pada 2 Mei 2024 mengikut undang-undang dibawah Enakmen Industri Berasas Kayu, Kanun Tanah Pahang 1965 dan Akta Perancangan Bandar dan Desa serta mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.









PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA PENANAMAN 100 JUTA POKOK

DI PANTAI HIBURAN ROMPIN DAN SESI RAMAH MESRA (TOWN HALL) EXCO KERJA RAYA, PENGANGKUTAN DAN KESIHATAN NEGERI PAHANG ADN MUADZAM SHAH BERSAMA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH ROMPIN

Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 Juta Pokok dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 pada 8 September 2020. Pelancaran kempen ini telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 sehingga 2025 program ini akan dilaksanakan. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita. Program ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia

Pejabat Hutan Daerah Rompin telah menjalankan program ini di Pantai Hiburan Rompin Bersama YB, Dato' IR Razali Bin Kasim dan Majlis Belia Daerah Rompin serta Pegawai-Pegawai dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Rompin pada 14 November 2024 (Khamis) bermula 8.00 am sehingga 12.00 pm.

Dalam program ini anak pokok yang disediakan adalah jenis Casuarina (equisetifolia) yang berjumlah 250 anak pokok. Disamping itu , selain dari penanaman pokok program ini disertakan sesi town hall bersama YB Dato' IR Razali dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Rompin antara isu yang dibangkitkan adalah tentang :-

1) Pemohonan tanah kelompok bagi kakitangan Kerajaan.
2) Pemohonan tanah di Dun Ibam.
3) Bantuan/ pemohonan bantuan sara hidup
4) Bantuan persekolahan anak anak kakitangan Pejabat Hutan Daerah Rompin.
5) Bantuan agar pemohonan Rumah PR1MA dipercepatkan.
6) Bantuan lesen memandu kereta / motorsikal secara kelompok bagi kakitangan Kerajaan.

Hasil dari sesi town hall ini dapat menyelesaikan banyak perkara dan masalah dikalangan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Rompin. Justeru itu program seperti ini diharapkan akan berterusan ditahun akan datang.









HARI HUTAN ANTARABANGSA 2024

HUTAN DAN INOVASI – PENYELESAIAN BAHARU UNTUK DUNIA YANG LEBIH BAIK

Disediakan oleh : Nurul Asyikin Mohd Shafullah (Penolong Pemelihara Hutan, Pejabat Hutan Daerah Raub)

Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun merupakan inisiatif global yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2012 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan hutan dan peranannya dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar, kesejahteraan masyarakat, serta pembangunan ekonomi sejagat. Bagi tahun 2024, tema yang dipilih adalah "Hutan dan Inovasi: Penyelesaian Baharu untuk Dunia yang Lebih Baik", yang menekankan potensi teknologi dan inovasi dalam usaha pemeliharaan, pengurusan dan pemulihan hutan di seluruh dunia. Sebagai agensi utama dalam pengurusan sumber hutan di peringkat negeri, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang turut menyokong dan memperkukuh komitmen terhadap kelestarian hutan melalui pelbagai pendekatan berasaskan teknologi dan inovasi terkini.

Selaras dengan tema tahun ini, Jabatan Perhutanan Pahang telah melaksanakan dan meneruskan pendekatan berinovasi dalam memajukan sektor perhutanan negeri. Teknologi inovatif seperti kecerdasan buatan (AI) dan teknologi seperti penderiaan jarak jauh digunapakai bagi tujuan pemetaan, pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan hutan simpanan kekal dalam negeri Pahang. Algoritma berpandukan AI mampu menganalisis imej satelit untuk mengesan pembalakan hutan dan secara langsung membolehkan tindakan pantas dilaksanakan. Teknologi dron yang dilengkapi dengan kamera beresolusi tinggi pula boleh memudahkan pemantauan di kawasan yang tidak dapat diakses melalui jalan darat dan seterusnya pihak jabatan dapat menyediakan data yang berharga bagi tujuan penguatkuasaan serta usaha pemuliharaan.

Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang juga telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan sistem e-Ecopark dan e-Permit, iaitu satu platform digital yang menggantikan sistem manual terdahulu. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada agenda pendigitalan perkhidmatan kerajaan serta selaras dengan dasar transformasi perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan yang lebih responsif, telus dan berintegriti. Sistem-sistem tersebut dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan proses permohonan sekaligus mengurangkan ketirisan hasil negeri.

Pada 25 November 2024 yang lalu, Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 Peringkat Negeri Pahang telah diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Raub yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail. YAB MB Pahang berkata "Pahang memiliki kawasan hutan seluas 2.06 juta hektar yang mewakili 57 peratus daripada keseluruhan keluasan negeri ini dan 1.6 juta hektar daripadanya merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diuruskan dengan amalan pengurusan hutan secara berkekalan". Beliau turut berkata "Walaupun pembalakan antara penyumbang kepada hasil kerajaan negeri namun usaha perlindungan dan pemuliharaan hutan sentiasa dititikberatkan bagi memastikan kelestarian hutan di negeri ini". YAB MB Pahang turut menzahirkan ucapan penghargaan dan tahniah atas pencapaian Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sebagai penyumbang utama hasil kerajaan negeri dan kejayaan tersebut diraih hasil daripada kesungguhan semua kakitangan jabatan dalam melaksanakan tugasan yang diamanahkan.

Kesimpulannya, semua lapisan masyarakat diseru untuk melihat masa depan perhutanan melalui lensa inovasi dan teknologi seiring dengan tema Hutan dan Inovasi. Dalam era pembangunan pesat ini, keupayaan kita untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar amat bergantung kepada kerjasama antara pelbagai pihak serta kesanggupan untuk mencuba pendekatan baharu. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang komited untuk terus menerajui perubahan ini dengan memanfaatkan inovasi dan teknologi khazanah hutan negeri dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan.



Gimik perasmian oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang semasa Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 Peringkat Negeri Pahang di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub.



YAB Menteri Besar Pahang turut berkesempatan melawat reruai pameran yang dibuka semasa majlis tersebut.



Sesi Penanaman Pokok sebagai simbolik Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diadakan sebaik sahaja YAB MB Pahang tiba di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub.

PENGANJURAN MY PARKS AWARDS

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN KERJASAM PERTUBUHAN PENGURUSAN TAMAN AMENITI DAN REKREASI MALAYSIA (MyParks)

Tahun 2024 terus memperlihatkan komitmen berterusan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dalam memperkukuh pengurusan kawasan hutan berasaskan pelancongan lestari. Pada 29 November 2024, jabatan telah menerima pengiktirafan menerusi MyParks Award 2023, yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Pertubuhan Pengurusan Taman, Ameniti dan Rekreasi Malaysia (MyParks).

Dalam majlis penganugerahan tersebut, Taman Eko Rimba Mossy Forest telah menerima Anugerah Platinum, manakala Taman Negeri Rompin pula telah dianugerahkan Anugerah Gold, atas kejayaan dalam aspek pengurusan rekreasi hutan yang lestari, mesra alam dan berimpak tinggi.

Anugerah ini telah disampaikan oleh wakil MyParks Dato' LAr. Ismail bin Hj. Ngah (EX-Officio MyParks), kepada YH. Dato' Haji Roslan bin Rani, selaku wakil rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Pengiktirafan ini bukan sahaja membuktikan keberkesanan pendekatan pengurusan yang diamalkan, malah menjadi dorongan untuk jabatan terus melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dalam memacu agenda ekopelancongan hutan di negeri ini. Kedua-dua anugerah ini mencerminkan komitmen berterusan Jabatan dalam memperkukuh ekopelancongan hutan, selaras dengan agenda pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari negeri.





SESI DEMONSTRASI PENGELUARAN CUKAI BATU KUARI

(KUARI BATU-BATAN) BAGI LESEN KECIL KUARI YANG DIKELUARKAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)

Bermula tahun 2024, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melalui Seksyen Perancangan Hutan telah mengambil langkah proaktif untuk menyelaras kutipan hasil cukai daripada aktiviti kuari yang dijalankan di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Sebelum ini, JPNP tidak pernah melaksanakan kutipan hasil bagi aktiviti kuari tersebut. Langkah ini merupakan satu inisiatif baharu yang bertujuan memperkukuh pengurusan sumber hutan secara lestari serta memastikan setiap aktiviti pembangunan yang dijalankan di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) memberi pulangan yang setimpal kepada kerajaan negeri.

Lanjutan daripada inisiatif tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah menjemput wakil-wakil syarikat kuari yang aktif di sekitar Kuantan bagi menjayakan program pelaksanaan kutipan hasil cukai kuari ini. Antara syarikat yang dijemput termasuklah Rockplus Sdn. Bhd., Double M. Sdn. Bhd., Cadangan Prima Sdn. Bhd., dan Angkasa Perspektif Sdn. Bhd.

Sepanjang program tersebut, para jemputan telah dibawa menyaksikan demonstrasi pelaksanaan operasi kuari, bermula dari proses di stesen timbang dan seterusnya melibatkan prosedur-prosedur berkaitan yang relevan dengan kutipan hasil cukai. Demonstrasi ini telah memberi gambaran jelas berkenaan aliran kerja dan tatacara pemantauan yang bakal dilaksanakan oleh pihak jabatan.

Diharapkan pelaksanaan inisiatif kutipan hasil cukai kuari yang diselaras oleh Seksyen Perancangan Hutan ini akan menjadi titik tolak kepada peningkatan hasil Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP). Langkah ini bukan sahaja dapat mengoptimumkan sumber pendapatan jabatan, malah berpotensi memperkukuh imej profesional JPNP sebagai sebuah agensi yang cekap, telus dan berdaya saing dalam pengurusan sumber hutan. Secara tidak langsung, inisiatif ini juga menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Negeri Pahang secara mampan dan berterusan.












PERISTIWA
BERGAMBAR

PROGRAM LAWATAN PENGARAH
PERHUTANAN NEGERI PAHANG KE KOMPLEKS PERHUTANAN RAUB

Pada 15 Januari 2024, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang berbesar hati untuk melawat ke Kompleks Perhutanan Raub bagi sesi perjumpaan Bersama kakitangan jabatan dari Pejabat Hutan Daerah Raub (PHDR), Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Barat (PSN B), Dan Pejabat Penguatkuasaan Hutan Zon Pahang Barat (UPK B). Setelah selesai sesi perjumpaan, Pengarah perhutanan negeri telah menjalankan penanaman pokok spesis Kelat Paya di perkarangan kompleks perhutanan Bersama-sama dengan Timbalan Pengarah (Operasi) Dr Grippin Anak Akeng serta Timbalan Pengarah (Pembangunan) Encik Norzaidi Bin Jusoh.



KICK OFF PROGRAM RAKAN LESTARI HUTAN:
TANAMAN POKOK BERSAMA SK SENDERUT, LIPIS

Pejabat Hutan Daerah Lipis telah menganjurkan program penanaman pokok antara kakitangan bersama pelajar Orang Asli dan guru Sekolah Kebangsaan Senderut, Sungai Koyan, Lipis pada 1 Februari 2024 yang melibatkan kira-kira 60 peserta. Sebanyak 100 pokok hutan spesies Merbau, Meranti tembaga, Kedondong dan Merawan telah ditanam di persekitaran sekolah.

Program yang dinamakan sebagai Kick Off Program Rakan Lestari Hutan: Tanaman Pokok Bersama SK Senderut ini dilaksanakan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar sekolah, meningkatkan kesedaran serta memupuk semangat cintakan hutan dan alam sekitar.





PROGRAM KONSERVASI DAN PENANAMAN POKOK

DI JALUR PENDAKIAN PINE TREE TRAIL, GUNUNG SEMANGKOK DAN TWIN PEAK SERTA PENYERAHAN ANAK POKOK KEPADA KOMUNITI, PENGUSAHA PELANCONGAN DAN ORANG AWAM SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB

Pada 10 – 12 Februari 2024, Pejabat Hutan Daerah Raub dengan kerjasama Persatuan Malim Gunung Raub (PMGR) telah berjaya menganjurkan program Konservasi dan Penanaman Pokok di Jalur Pendakian Pine Tree Trail, Gunung Semangkok dan Twin Peak Serta Penyerahan Anak Pokok Kepada Komuniti, Pengusaha Pelancongan dan Orang Awam Sempena Program Penghijauan Malaysia, peringkat Pejabat Hutan Daerah Raub.

Pejabat Hutan Daerah Raub telah melaksanakan serahan sebanyak 150 anak pokok buah Ciku, Sentol dan Kuinin kepada pengusaha pelancongan, hotel, orang awam dan pengunjung di sekitar pusat pelancongan Bukit Fraser. Antara pengusaha pelancongan dan hotel yang menerima anak pokok ialah Hotel Shahzan Inn, Puncak Inn, Pine Resort dan Silver Park Resort. Semasa edaran anak pokok kepada orang awam, pejabat ini juga menjalankan kempen Penanaman Pokok 100 Juta dengan mengedarkan risalah berkaitan dengan Penghijauan Malaysia kepada orang awam.





JPNP, MALIM GUNUNG DAN BOMBA

SEMARAKKAN KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA DI BUKIT RAKA, BENTONG

Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong bersama-sama Malim Gunung Perhutanan (MGP) Daerah Bentong dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Bentong telah berjaya menanam 30 pokok Merbau, Meranti mengkai dan Meranti tembaga dalam Program Rintis Denai Pendakian bertempat di Bukit Raka, Bentong pada 14 Februari 2024.

Program ini telah disertai oleh 20 ahli MGP Daerah Bentong, 10 kakitangan PHD Bentong dan 5 anggota Jabatan Bomba & Penyelamat Daerah Bentong. PHD Bentong berharap agar semua pihak menjadikan aktiviti penanaman pokok sebagai agenda dalam apa jua kerja yang dilaksanakan di lapangan bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.





LAWATAN PERHUTANAN SOSIAL

DAN KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK@PAHANG DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI, KUALA TAHAN, JERANTUT

Pada 15 dan 16 Februari 2024, kakitangan Unit Silvikultur Zon Pahang Timur, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah mengadakan lawatan perhutanan sosial ke Perkampungan Orang Asli di Kuala Tahan, Jerantut bagi mendapatkan pendedahan tentang cara hidup masyarakat orang asli dari suku kaum Bateq. Semasa lawatan ini, JPNP telah menyerahkan 20 pokok Petai dan Kuini serta buku mewah (coffee table book) Tasik Chini kepada Tok Batin sebagai tanda penghargaan.

JPNP seterusnya telah melaksanakan aktiviti penanaman bertempat di Sekolah Kebangsaan Kuala Tahan. Program yang dijayakan dengan kerjasama dan kehadiran Guru Besar SK Kuala Tahan, Pengerusi PIBG serta guru-guru SK Kuala Tahan telah berjaya menanam 150 anak pokok Tampoi, Ciku, Kuini, Petai, Asam Gelugor dan Karas.







KEMBARA MOTOSIKAL LASAK

'JUNGLE TO THE SEA 2024' TANAM POKOK DI PESISIRAN PANTAI RANTAU PANJANG, ROMPIN

Pada 18 Februari 2024, 60 peserta Kembara Motosikal Lasak 'Jungle to the Sea 2024' telah mengikuti aktiviti penanaman pokok di sepanjang pantai Rantau Panjang, Rompin.

Sebanyak 50 pokok ketapang dan bintangor laut telah ditanam oleh peserta yang terdiri daripada penganjur program iaitu Holeshot Motowear Sdn. Bhd., Perbadanan Taman Negeri Pahang (PTNP) dan komuniti JPKK Kampung Rantau Panjang.

Diharapkan aktiviti sebegini dapat mendidik dan memberikan kesedaran kepada komuniti masyarakat kepentingan hutan pesisiran pantai serta memperbanyakkan lagi penglibatan komuniti masyarakat dalam kerjasama memelihara dan memulihara khazanah alam.




PROGRAM PENANAMAN POKOK

DAN GOTONG ROYONG KERJASAMA PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB DENGAN PELAJAR UNIVERSITI POLYTECH MARA, KUALA LUMPUR.

Pada 02 Mac 2024 (Sabtu) Pejabat Hutan Daerah Raub dengan kerjasama seramai 15 orang pelajar dan 2 pensyarah telah terlibat dalam Program Penanaman Pokok di TER Lata Jarum, Daerah Raub, Pahang. Keseluruhan peserta telah mengambil bahagian di dalam program penanaman pokok ini. Sebanyak 15 anak pokok dari spesies Kedondong (Burseraceae spp) telah di tanam di kawasan pintu masuk TER Lata Jarum tersebut. Dalam program ini, peserta telah diberikan taklimat dendrologi berkaitan pokok Kedondong dan kaedah untuk menanam pokok dengan betul. Tujuan taklimat ini adalah bagi pendedahan serba sedikit berkaitan ilmu perhutanan kepada peserta. Taklimat telah disampaikan oleh Selepas aktiviti penanaman pokok, program gotong royong diadakan dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekitar pejabat pentadbiran, dewan terbuka dan juga membersih dan mencuci surau serta tandas. PHD Raub akan meneruskan kerjasama dengan pelbagai agensi baik Kerajaan mahupun swasta dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok ini serta amat mengalu-alukan mana-mana agensi yang ingin melaksanakan program penanaman pokok di Daerah Raub.





PENYERAHAN 300 ANAK POKOK KEPADA

ORANG AWAM SEMPENA PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMPEN 100 JUTA POKOK BERSAMA PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN

Pada 5 Mac 2024 (Jumaat), Sempena Program Penghijauan Malaysia Kempen 100 Juta Pokok, Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran telah memberi sebanyak 300 anak pokok buah Kuinin, dan Ciku secara percuma kepada para pengunjung di Pasar Tani Maran. Semasa edaran anak pokok kepada orang awam, pejabat ini juga menjalankan kempen Penanaman 100 Juta Pokok dengan mengedarkan risalah serta memberi penerangan berkaitan dengan Penghijauan Malaysia kepada orang awam. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.





PANTAI ANAK AIR
KUANTAN

Unit Silvikultur Zon Pahang Timur, JPNP pada 03 Mei 2024 telah menganjurkan satu program CEPA - Program Pemuliharaan Pesisir Pantai Sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok@Pahang bertempat di Pantai Anak Air, Kuantan. Program ini telah melibatkan seramai lebih kurang 40 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar dari Tadika Cahaya Iman, Kuantan serta kakitangan dari Unit Silvikultur Zon Pahang Timur. Melalui program ini, sejumlah 50 anak pokok daripada spesies Rhu Pantai telah ditanam dalam kawasan seluas lebih kurang 0.08 hektar. Program yang turut dihadiri oleh Puan Nurfazliza binti Kamarulbahrin, Penolong Pengarah Kanan (Silvikultur Zon Pahang Timur) ini telah berjalan dengan lancar dan diharap agar dengan adanya program seumpama ini dapat memupuk rasa sayang dan cintakan keindahan dalam diri anak-anak seawal usia mereka.





PROGRAM PENANAMAN POKOK
BERSAMA PELAJAR UNIKL DI HS ULU JELAI, KUALA LIPIS



Pada 18 Mei 2024, satu program penanaman pokok yang terdiri dari pelbagai spesis seperti merbau, kedondong, dan meranti telah ditanam Bersama pelajar dari UNIKL seramai lebih kurang 40 orang di HS Ulu Jelai, Kuala Lipis. Kawasan ini merupakan Kawasan pencerobohan yang telah diambil Tindakan penguatkuasaan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah tersebut. Keluasan Kawasan penanaman adalah sekitar ±1.5 Hektar

PROGRAM PENANAMAN POKOK

SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PAHANG DI DAERAH RAUB TAHUN 2024

Pada 29 Mei 2024 bersamaan hari Rabu, Pejabat Hutan Daerah Raub telah mengadakan Program Penanaman Pokok Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang Tahun 2024. Program ini melibatkan 20 orang kakitangan daripada Unit Pentadbiran, Unit Pembangunan Hutan serta dibantu oleh Pejabat Renj. Hutan Tersang. Lokasi penanaman bertempat di Kompartmen 71, Hutan Simpan Tersang. Kawasan tanaman merupakan kawasan bekas kongsi lesen seluas 1 ekar dan sebanyak 250 pokok yang terdiri daripada spesies Kelat, Pelong, Jelawai Jahar, Nyatoh dan Kepayang berjaya ditanam. Program bermula jam 9 pagi dan selesai pada jam 12 tengahari.









PROGRAM LESTARI HIJAU

RAKAN BUMI DI TASIK SELIMBANG, KUALA LIPIS

Pada 30 Mei 2024, Program Lestari Hijau Rakan Bumi telah dijalankan di Tasik Selimbang, Kuala Lipis dengan Kerjasama Kementerian Belia & Sukan (KBS) dan Pejabat Hutan Daerah Lipis. Sebanyak lebih kurang 300 anak pokok telah ditanam di sekitar tasik serta tapak perkhemahan Kawasan tersebut yang terdiri daripada perlbagai spesis hutan serta buahan nadir hutan. Program Penanaman ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Mustapa Bin Long, ADN Padang Tengku.




PROGRAM PENGAGIHAN POKOK

SECARA PERCUMA SEMPENA PERTANDINGAN MENGENAL BURUNG ANTARABANGSA @ BIRD RACE DI BUKIT FRASER TAHUN 2024

Pada 08 - 09 Jun 2024 bersamaan hari Sabtu – Ahad, Pejabat Hutan Daerah Raub telah mengadakan Program Pengagihan Pokok Sempena Pertandingan Mengenal Burung Antarabangsa @ Bird Race di Bukit Fraser Tahun 2024. Program ini melibatkan 15 orang kakitangan daripada Unit Pentadbiran, Unit Pembangunan Hutan serta dibantu oleh Pejabat Renj. Hutan Tersang dan Unit Tugas Khas. Seksyen Hutan Lipur Negeri Pahang juga berkesempatan untuk mengambil bahagian sepanjang program 'Bird Race' ini melalui pembukaan reruai.

Untuk makluman, program ini adalah program tahunan oleh Tourism Malaysia dan yang disertai oleh pelbagai agensi. Pejabat Hutan Daerah Raub sentiasa menyertai program ini dengan menjalankan aktiviti di bawah kempen Penghijauan Malaysia dengan mengagihkan anak pokok disamping dapat memperkenalkan kepada orang ramai berkaitan dengan kempen ini. Sebanyak 230 pokok yang terdiri daripada spesies pokok buah-buahan seperti kundang, durian, tampoi dan belimbing buluh diagihkan secara percuma kepada pengunjung. Program bermula jam 9 pagi dan selesai pada jam 5 petang.







PROGRAM LAWATAN AMAL

PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN KE MAAHAD AL-ABDA HAFIZ ENGLISH PROGRAM HATYAI, THAILAND

Pada 8 Julai 2024 (Selasa) Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran bersama Tuan Haji Roslan Bin Rani Pengarah Perhutanan Negeri Pahang telah mengadakan lawatan amal di Maahad Al-Abda Hafiz English Program Hatyai,Thailand. Lawatan ini bertujuan untuk melawat pelajar-pelajar tahfiz disana disamping memberi sedikit sumbangan daripada Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran serta sumbangan peribadi daripada peserta lawatan tersebut.











PROGRAM KOLABORASI PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB

BERSAMA PEJABAT KESIHATAN PERGIGIAN DAERAH RAUB BAGI PROGRAM PENANAMAN POKOK

Pada 13 Ogos 2024 bersamaan hari Selasa, Pejabat Hutan Daerah Raub bersama Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Raub telah bekerjasama bagi menjayakan Program Penanaman Pokok Sempena Ekspedisi Kembara Sihat di TER Lata Jarum, Daerah Raub. Turut menghadiri program ialah Dr Wan Salina Binti Wan Sulaiman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) dan kakitangan Pejabat Kesihatan Pergigian dari semua Daerah Pahang seramai 40 orang dan 10 orang kakitangan Unit Pembangunan Hutan, Pejabat Hutan Daerah Raub.

Program dimulakan dengan sesi taklimat berkaitan dengan TER Lata Jarum yang disampaikan oleh PPHD(P) dan seterusnya sesi penyampaian cenderahati. Untuk makluman, sebanyak 30 anak pokok yang terdiri daripada spesies pokok buah-buahan seperti Kundang, Tampoi, Kempayang dan Nam nam serta sebanyak 40 anak pokok hutan pelbagai spesies telah ditanam di sekitar kawasan TER Lata Jarum.





PROGRAM MOH KARNIVAL MAKMUR

RAUB TAHUN 2024

Pada 30 Ogos hingga 01 September 2024, Pejabat Hutan Daerah Raub telah menyertai Program Moh Karnival Makmur Raub Tahun 2024 dengan membuka Reruai Pameran Perhutanan. Sebanyak 23 pempamer daripada pelbagai agensi kerajaan, NGO dan juga wakil pendidikan turut serta di dalam karnival ini. Antara pengisian selama tiga hari tersebut ialah mempromosi kempen Penghijauan Malaysia, mempamer poster-poster berkaitan dengan perhutanan, kuiz untuk dewasa dan kanak-kanak serta edaran anak pokok buah secara percuma kepada pengunjung.

Sebanyak 400 anak pokok buah spesies Sentol, Perah dan juga Jambu Air Mawar telah diedarkan kepada pengunjung disamping kakitangan pejabat ini memperkenalkan kempen Penghijauan Malaysia kepada para pengunjung. Aktiviti kuiz kepada kanak-kanak dan pengunjung dewasa juga dibuat untuk menarik minat pengunjung terutama berkaitan dengan perhutanan dan cenderahati turut diberikan kepada para peserta.

Sepanjang tempoh tiga hari membuka reruai, seramai lebih daripada 400 pengunjung telah mengunjungi reruai PHD Raub. Pada 1 Sept 2024, Majlis Penutup Karnival telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar dan barisan Exco serta ketua jabatan peringkat Negeri dan Daerah. Program tamat pada jam 5.00 petang. Secara keseluruhan, sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan daripada orang ramai.







PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA

KPDB SULTAN PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH DI WYNDHAM GARDEN, BUKIT FRASER



Pada 5 September 2024, KPDB Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'Ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah telah berkenan untuk merasmikan pembukaan Hotel Shahzan di WYNDHAM Garden, Bukit Fraser. Pada majlis tersebut baginda telah menanam pokok spesis Damar Minyak di perkarangan hotel tersebut.

PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA PELAJAR

UNIKL DI HS TERLA, CAMERON HIGHLANDS

Pada 28 September 2024, Program penanaman pokok dilaksanakan di Hutan Simpan Terla, Cameron Highlands Bersama-sama dengan pelajar dari UNIKL serta beberapa guru pengiring. Pokok yang ditanam terdiri dari beberapa spesis yang sesuai dan beradaptasi dengan Kawasan bersuhu rendah. Kempen penanaman dalam kalangan pelajar sekolah seperti ini dijalankan dengan harapan untuk memupuk sikap cinta akan alam sekitar dalam diri pelajar tersebut.



PROGRAM LESTARI HIJAU RAKAN BUMI

SEMPENA LE TOUR DE LANGKAWI, BENTONG, PAHANG



Pada 1 Oktober 2024, Program Lestari Hijau Rakan Bumi anjuran (KBS) sempena Le Tour De Langkawi memohon bantuan bagi menjayakan program penanaman pokok landskap yang bertempat di pintu gerbang sempadan Raub-Bentong. Program penanaman ini dilakukan bersama pelajar dari Sekolah Kebangsaan Lurah Bilut. Program penanaman yang melibatkan pelajar sekolah seperti ini dijalankan dengan harapan untuk memupuk sikap cinta akan alam sekitar dalam diri pelajar tersebut.

PROGRAM LESTARI HIJAU RAKAN BUMI

SEMPENA LE TOUR DE LANGKAWI (HS TERLA B, CAMERON HIGHLANDS)



Pada 30 September 2024, Program Lestari Hijau Rakan Bumi anjuran (KBS) sempena Le Tour De Langkawi memohon bantuan bagi menjayakan program penanaman pokok landskap yang bertempat di Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands. Program penanaman ini dilakukan bersama pelajar dari SMK Kampung Raja, Cameron Highlands. Pokok yang ditanam terdiri dari beberapa spesis yang sesuai dan beradaptasi dengan Kawasan bersuhu rendah seperti merawan siput Jantan.

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA:

PENANAMAN 450 POKOK SEMPENA KEMPEN 100 JUTA POKOK DI LADANG HUTAN KEMASUL

Satu program penanaman pokok sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia telah berjaya dilaksanakan pada 18 Oktober 2024 bertempat di Pejabat Ladang Hutan Kemasul.

Program ini merupakan hasil kerjasama Seksyen Silvikultur Zon Pahang Tengah dan turut disertai oleh wakil-wakil daripada Pejabat Hutan Daerah Temerloh, Tadika KEMAS Kemasul, Malaysia Rail Link (MRL), China Communications Construction (CCC) serta kakitangan Pejabat Ladang Hutan Kemasul.

Sepanjang program ini, sebanyak 450 anak pokok daripada pelbagai spesies hutan seperti Balau, Keruing, Bintangor, Perah, Pelong, dan Meranti Paya telah berjaya ditanam. Aktiviti ini bukan sahaja menyokong matlamat pemulihan kawasan hutan tetapi juga memperkukuh kesedaran sivik dan kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.





FOREST TRAIL CONSERVATION 2024
PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB

Pejabat Hutan Daerah Raub telah menyertai dan menjayakan Program Forest Trail Conservation pada 19 Oktober 2024 anjuran JPSM untuk mencipta Malaysia Book Of Records. Pada kali ini, PHD Raub telah memilih laluan denai Bukit Kolam di Hutan Simpan Rotan Tunggal.

Program ini bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang. Seramai lebih kurang 12 orang kakitangan PHD Raub, 18 orang awam dan wakil malim gunung Daerah Raub telah menyertai program ini dan para peserta telah berjaya mengharungi dan membersihkan laluan denai hutan yang jaraknya lebih kurang 3.8km. Tujuan program Forest Trail Conservation ini diadakan adalah sebagai salah satu inisiatif untuk memelihara denai-denai hutan. Sekalung penghargaan buat semua peserta yang telah terlibat.







PROGRAM PRA PENANAMAN SEMPENA
SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PAHANG 2024



Pada 14 November 2024, program pra penanaman sempena sambutan hari hutan antarabangsa peringkat negeri Pahang 2024 telah dijalankan di Hutan Simpan Sg Sia dengan kerjasama dan penglibatan pelajar UITM Raub seramai 40 orang. Kira-kira 500 anak pokok telah ditanam di Kawasan hutan simpan tersebut Dimana ia merupakan Kawasan pencerobohan bagi aktiviti penerokaan pertanian oleh penduduk setempat yang telah diambil Tindakan penguatkuasaan oleh Pejabat Hutan Daerah.

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA
MELALUI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Pejabat Hutan Daerah Jerantut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jerantut telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok pada 14 November 2024 bertempat di Kompartmen 50, Hutan Simpan Som, Jerantut. Seramai tiga orang guru pengiring yang diketuai oleh Encik Shaiful Nizam bin Mohamad Rozi, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan 30 orang pelajar Tingkatan Tiga SMK Jerantut telah hadir menyertai program penanaman pokok ini.

Program yang diadakan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran peserta program terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok serta dapat mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.

Sebanyak 200 anak pokok yang terdiri daripada spesies Meranti Tembaga dan Balau Pasir telah berjaya ditanam oleh semua peserta program.







HUTAN SIMPAN CHINI

Pada 16 Disember 2024, satu program tanggungjawab Sosial (CSR) antara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) telah diadakan di Kawasan Pemulihan Lombong, Tasik Chini, bermula jam 8.30 pagi.

Program telah dirasmikan Pengarah LHDN Pahang, YH Dato' Ruslan ni Othman. Program ini melibatkan kempen penanaman 100 anak pokok menerusi Program Buyback Guarantee (BBG) Tasik Chini. Spesies utama yang ditanam adalah Merbau serta spesies lain seperti Petai, Sentol, Durian, Keruing, Kulim, Merawan dan Meranti Tembaga.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 66 peserta, termasuk 40 pegawai dan kakitangan LHDN Pahang, 10 peserta daripada komuniti Orang Asli setempat serta peserta BBG, dan 16 kakitangan Unit Silvikultur Zon Timur JPNP.
Aktiviti ini bertujuan memperkasa program BBG sambil membantu memulihkan kawasan terosot bekas lombong yang telah ditanam tumbuhan penutup bumi oleh JPNP sebelum ini.

Melalui program ini, usaha pemulihan kawasan terosot di Tasik Chini dapat dijayakan dengan sokongan pelbagai pihak, termasuk badan berkanun, agensi kerajaan, dan komuniti setempat. Aktiviti penghijauan seperti ini diharap menjadi pemangkin untuk lebih banyak pihak korporat dan masyarakat menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar.





PROGRAM RESTORASI HUTAN:

PENANAMAN POKOK BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI ULU CHEMPEROH BERSAMA MALAYSIA RAIL LINK SDN BHD DAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA (KOMPARTMEN 46 HSK LENTANG)



Satu program restorasi Kawasan Terosot di Kompt 46, Hutan Simpan Lentang, Bentong, Pahang telah dijalankan anjuran Yayasan Hijau Malaysia dengan Kerjasama Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) sebagai penaja program. Program ini telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRL iaitu Ybhg. Dato' Sri Darwis Abdul Razak, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) Encik Nor Zaidi Bin Jusoh dan Ketua Bahagian Pengurusan Projek, Yayasan Hijau Malaysia Ybrs. Dr. Rafidah Rashid. Sejumlah 600 pokok spesis Merbau oleh seramai 40 peserta dalam program tersebut. Pihak MRL berbesar hati untuk membeli 3000 anak pokok daripada peserta Buy Back Guarantee Kampung Orang Asli Hulu Chemperoh, Janda Baik. Pokok – pokok itu akan ditanam secara berperingkat di Lokasi restorasi hutan sehingga selesai.

AKTIVITI PENANAMAN POKOK DAN KEMPEN

PENANAMAN 100 JUTA POKOK OLEH PESERTA PERKHEMAHAN BERSEPADU UNIT BERUNIFORM SMK SUNGAI SOI

Dimaklumkan bahawa Pusat Latihan Perhutanan Pahang dengan kerjasama Seksyen Silvikultur Zon Pahang Tengah telah melaksanakan satu aktiviti penanaman pokok sempena sambutan bersama para pelajar dan guru sempena Pekhemahan Bersepadu Unit Beruniform SMK Sungai Soi, Kuantan yang berlangsung di PLPP

Sebanyak 50 anak pokok yang telah ditanam di sekitar kawasan PLPP yang terdiri dari spesies Keruing, Mahang, Beruas, Durian, dan lain-lain.





PLANTING THE FUTURE FOR THE NEXT GENERATION

KEM BATU 5, MENTAKAB

Program penanaman pokok bertemakan "Planting the Future for the Next Generation" sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah berjaya dianjurkan pagi ini. Aktiviti ini dilaksanakan oleh Seksyen Silvikultur Zon Pahang Tengah dengan kerjasama pegawai dan anggota Kem Batu 5, Mentakab.

Dalam program ini, sebanyak 354 pokok daripada spesies hutan dan buah-buahan telah ditanam di kawasan kem, melibatkan penyertaan 50 peserta. Program ini bukan sahaja menyokong usaha pemeliharaan alam sekitar tetapi juga memperkukuh hubungan strategik antara jabatan dan Angkatan Tentera Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah Batalion Ketujuh Rejimen Renjer Diraja (Mekanize), Leftenan Kolonel Mohd Fadilrollah bin Yahaya. Diharapkan inisiatif ini menjadi langkah bermakna dalam memastikan khazanah alam terus terpelihara untuk generasi akan datang.






KERATAN AKHBAR

KERATAN AKHBAR

PAHANG SETUJU WUJUD MAN AND BIOSPHERE (MAB) MOSSY FOREST DI CAMERON HIGHLANDS

PAHANG MEDIA

5 January, 2024



MOSSY FOREST DI CAMERON HIGHLANDS

KUANTAN, 5 JANUARI 2024 : Kerajaan Negeri Pahang menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada Rabu lalu bersetuju untuk mewujudkan Man and Biosphere (MAB) Mossy Forest di Cameron Highlands.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, penubuhan MAB Mossy Forest bertujuan untuk memulihara kepelbagaian biologi dan mempromosikan pembangunan lestari.

"Ia melibatkan 13 buah Hutan Simpanan Kekal (HSK) seluas 4,963.57 hektar dan sebahagian tanah Kerajaan serta tanah milik seluas 3,398.93 hektar di Mukim Ulu Telom dan Mukim Tanah Rata, Cameron Highlands.

"MAB ini berfungsi sebagai model untuk penggabungan pemuliharaan dan pembangunan, dan menyediakan rangka kerja kepada komuniti tempatan bagi mengembangkan dan melaksanakan strategi pembangunan ekonomi serta melindungi sumber semula jadi," katanya dalam satu kenyataan di Facebook beliau hari ini.

Dalam pada itu beliau berkata, penubuhan berkenaan adalah selaras dengan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia: Transformasi ke Arah Ekonomi Berasas Khazanah yang menggariskan hasrat pelaksanaan pembangunan sumber berasaskan pengiktirafan tapak atau kawasan sebagai warisan sejagat.

"Melalui penubuhan MAB ini, Kerajaan Negeri akan dapat mendidik serta meningkatkan pemahaman orang awam tentang kepentingan pemeliharaan ekologi dan pengurusan sumber secara lestari.

"Pengetahuan ini kemudiannya akan digunakan untuk membangun dan melaksanakan strategi pemuliharaan dan pengurusan yang memberi faedah kepada manusia dan alam sekitar," katanya. - PAHANGMEDIA



YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail

https://pahangmedia.my/archives/39126

astro Awani

Bernama
05/01/2024 11:10 MYT



Wan Rosdy berkata keputusan mewujudkan MAB Mossy Forest dicapai menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang pada Rabu lepas. - Foto Facebook Wan Rosdy

Pahang setuju wujud MAB Mossy Forest

KUANTAN: Kerajaan Pahang setuju mewujudkan Man and Biosphere (MAB) Mossy Forest di Cameron Highlands, kata Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau berkata ia melibatkan 13 Hutan Simpan Kekal (HSK) seluas 4,963.57 hektar dan sebahagian tanah kerajaan seluas 3,398.93 hektar di Mukim Ulu Telom dan Mukim Tanah Rata di tanah tinggi itu.

"Penubuhan MAB Mossy Forest adalah untuk memulihara kepelbagaian biologi dan mempromosikan pembangunan lestari, selain turut memainkan peranan signifikan dalam aktiviti penyelidikan dan pendidikan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Wan Rosdy berkata keputusan mewujudkan MAB Mossy Forest dicapai menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang pada Rabu lepas, dan ia diharap dapat meningkatkan pemahaman orang awam mengenai kepentingan pemeliharaan ekologi dan pengurusan sumber secara lestari.

Beliau berkata penubuhan MAB Mossy Forest juga selaras dengan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia: Transformasi ke Arah Ekonomi Berasas Khazanah.

Blueprint itu antara lain menggariskan hasrat pelaksanaan pembangunan sumber berasaskan pengiktirafan tapak atau kawasan sebagai warisan sejagat Tapak Warisan Dunia dan UNESCO Global Geopark.

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pahang-setuju-wujud-mab-mossy-forest-452751



astro Awani

Bernama 18/01/2024 17:31 MYT

Sasar Lipis sebagai UNESCO Global Geopark menjelang 2026 - MB

KUALA LIPIS: Kerajaan Pahang menyasarkan Lipis yang dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan hari ini mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Global Geopark (UGGp) menjelang 2026.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan yang ke-11 negara itu berkuat kuasa pada 9 Nov lepas, iaitu setahun selepas kerajaan Pahang memulakan usaha untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut.

Pengiktirafan itu menjadikan Lipis Geopark yang berkeluasan 5,408 kilometer persegi iaitu meliputi keseluruhan daerah Lipis, sebagai Geopark Kebangsaan termuda dan terbesar di Malaysia buat masa ini.

"Pelaksanaan Lipis Geopark adalah selari dengan draf perancangan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia 2024-2028, untuk menjadikan Pahang destinasi bertaraf dunia bagi pengiktirafan tapak berjenama UNESCO di bawah kategori Tapak Warisan Dunia (WHS), program Manusia dan Biosfera (MAB) dan UGGp," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian semasa berucap pada Majlis Pemasyhuran Lipis sebagai Geopark Kebangsaan di Taman Negara Sungai Relau di sini hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Seri Huang Tiong Sii.

"Satu lagi bukti sejarah geologi lampau ialah pada beberapa bukit batu kapur, seperti Gua Bama dan Gua Panjang yang terdapat sempadan batuan berusia 250 juta tahun dan berlaku 'kepupusan besar-besaran' hingga lebih 95 peratus hidupan di atas muka bumi ini," katanya.

Wan Rosdy turut menjelaskan bahawa pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan tidak bermaksud tiada sebarang pembangunan boleh dilaksanakan, sebaliknya ia boleh diteruskan dengan memberi tumpuan kepada pendekatan pembangunan secara lestari.

Sementara itu, Huang dalam ucapannya berkata pengiktirafan Lipis itu dibuat menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan dengan Jawatankuasa Pelaksana Geopark telah membuat lawatan penilaian pada 24 hingga 28 Sept 2023.

Lipis Geopark yang terletak di kaki Timur Banjaran Titiwangsa mempunyai kepelbagaiangeologi yang tinggi, fosil pelbagai spesies dalam kawasan perlindungan di Taman Negara dan Hutan Simpan Kekal.

"Selain itu, kawasan Lipis kaya dengan kepelbagaian geologi iaitu 28 geotapak dan biologi (6 biotapak), serta budaya tempatan (9 tapak budaya). Taman Negara Sungai Relau di Merapoh merupakan antara pusat kepelbagaian biologi yang merekodkan 194 spesies flora termasuk spesies endemik. Ia membentuk lihupan unik seperti hutan bonsai di puncak Gunung Tahan," katanya.

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sasar-lipis-sebagai-unesco-global-geopark-menjelang-2026-mb-454599



Mohd Rafi Mamatam@hmetro.com
Disiarkan pada: Januari 28, 202
12:3

myMetro

Anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Triang dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengesan kedudukan Hutan Simpan Chini Bera tempat lima kakitangan Pejabat Renjer Hutan Bera yang terkandas selepas kejadian kepala air semalam. FOTO Ihsan JPNP

5 TERPERANGKAP DUA HARI DI HUTAN SIMPAN CHINI AKIBAT KEPALA AIR

Bera: Lima kakitangan Pejabat Renjer Hutan Bera cemas apabila terperangkap dalam Hutan Simpan Chini Bera selepas kejadian kepala air semalam.

Kepala air dilapor berlaku kira-kira jam 11 malam ketika mereka berehat di khemah tempat bermalam dan operasi mencari dan menyelamat (SAR) selesai pada jam 4 petang tadi dengan kelima-lima mereka ditemukan selamat.

Empat kakitangan pejabat renjer yang terkandas ialah Mohamad Syariman Mohammed Simin, Aliff Abeng, Mustakim Ab Mubin dan Razlan Nor Rani @ Abd Ghani (pemandu) manakala seorang lagi pekerja kontraktor yang tidak diperoleh identitinya.

Mereka berada di kawasan hutan berkenaan bagi membuat semakan kerja penandaan pokok balak dan pengesahan sempadan kawasan lesen pembalakan.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata 22 anggota Balai Bomba Penyelamat (BBP) Triang, Polis dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) terbabit dalam operasi SAR hari ini.

Katanya, mereka berada di Hutan Simpan Chini Bera bagi memantau kawasan hutan berkenaan dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda.

"Kejadian kepala air menyebabkan semua kelengkapan perkhemahan dihanyutkan arus deras manakala kenderaan dinaiki juga dikatakan tenggelam.

"Ia berikutan paras Sungai Bera yang naik dengan cepat susulan kepala air yang berlaku akibat hujan lebat secara berterusan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Zulfadli berkata, lapan anggota BBP Triang bersama 10 kakitangan JPNP dan empat anggota polis memulakan SAR pagi tadi dengan keadaan dilaporkan agak mencabar kerana hutan masih dipenuhi air.

Beliau berkata, semua peralatan dan kelengkapan mangsa termasuk bekalan makanan di tapak perkhemahan dikatakan dihanyutkan arus deras.

Katanya, kedudukan lokasi yang jauh ke dalam hutan menyebabkan perhubungan terputus, namun pasukan SAR berjaya mengesan kedudukan mangsa sebelum membawa mereka keluar menggunakan motosikal sebelum menaiki kenderaan disediakan.

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1054911/5-terperangkap-dua-hari-di-hutan-simpan-chini-akibat-kepala-air

KERATAN AKHBAR

SELAMAT DATANG KE PORTAL BERITA PAHANG MEDIA

KERAJAAN PAHANG KESAL PENEROKAAN TANAH HARAM PUNCA TANAH RUNTUH

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail



Oleh : Ain Nadhirah Basha
Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi
29 JANUARY, 2024



RAUB, 29 JANUARI 2024 : Kerajaan Pahang kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang masih berdegil meneroka tanah secara haram walaupun pernah ditahan sebelum ini sehingga mengakibatkan kejadian tanah runtuh di Batu 59, Blue Valley, Cameron Highlands, Jumaat lalu.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Kerajaan Negeri Pahang telah membuat kawalan serta melakukan pemantauan bagi meminimakan penerokaan tanah secara haram di negeri ini.

"Kita memantau dan sebab itu saya bagi tahu Hutan Simpan tidak boleh diteroka secara haram dan mereka membuat penerokaan secara haram dan itulah kesannya berlaku kejadian tanah runtuh.

"Dan kita amat kesal dengan kejadian tersebut di mana masih ada lagi mereka yang meneroka tanah secara haram walaupun kita kawal, kita pantau, dan kita bawa mereka ini sampai ke peringkat mahkamah untuk kita meminimakan penerokaan tanah haram ini.

"Sedikit sebanyak terjejas jugalah (Kerajaan Negeri Pahang) kerana kita memantau (penerokaan tanah haram) tapi bila dia (peneroka) buat secara haram, ia diluar daripada kawalan kita, kerana tanah kita ni luas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Projek Penghutanan Semula Dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) Negeri Pahang Darul Makmur di Hutan Simpan Tersang hari ini.

Turut hadir, Exco Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB. Fadzli Mohamad Kamal; Pengarah Amat Bayu Sdn. Bhd., YH. Dato' Ahmad Najmi Abdul Razak; Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, YBhg. Tuan Haji Roslan Rani; dan Pegawai Daerah Raub, YBhg. Encik Khuzaidi Harun.

Menurut beliau lagi, bagi mengelakkan perkara seperti ini berlaku, Kerajaan Negeri Pahang sangat serius dengan mengambil langkah mendakwa peneroka tanah secara haram secara terus di mahkamah.

"Tetapi masih ada lagi mereka yang berbuat demikian. Jadi sebab itulah kita sangat serius, dan kita tidak lagi kompaun malah kita bawa terus ke mahkamah.

"Bukan tujuan untuk mengaibkan, memalukan tapi lebih kepada memberi pengajaran kepada mereka yang membuat kerja-kerja tidak sihat ini," katanya. – PAHANGMEDIA

https://pahangmedia.my /archives/39581

PAHANG BERI PERHATIAN SERIUS PELIHARA, PULIHARA HUTAN

29 January, 2024

Oleh : Ain Nadhirah Basha
Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi



YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail melihat seorang pelajar menanam pokok pada Majlis Pelancaran Projek Penghutanan Semula oleh Amat Bayu Sdn Bhd di Kawasan Hutan Simpan Tersang, Raub.



YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail ketika Majlis Pelancaran Projek Penghutanan Semula oleh Amat Bayu Sdn Bhd di Kawasan Hutan Simpan Tersang, Raub.

https://pahangmedia.my /archives/39577

RAUB, 29 JANUARI 2024 : Kerajaan Negeri Pahang memberi perhatian serius kepada pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di negeri ini yang dilakukan dari masa ke semasa.

Menurut YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, pelaksanaan projek penghutanan semula adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Pahang.

"Projek penghutanan semula ini sangat penting kerana ia berfujuan untuk memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di Negeri Pahang harus dipergiatkan dan dipertingkatkan daripada semasa ke semasa.

"Amat Bayu juga bertekad untuk memperolehi persijilan PEFC (Programme for the Endorsement of Forest Certification) dengan mengamalkan dan mematuhi piawaian atau standard alam sekitar dan sosial yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata penubuhan Projek Penghutanan Semula di Negeri Pahang telah bermula sejak tahun 2000 melibatkan kawasan seluas 404.69 hektar dan ia turut melibatkan kawasan tidak berhutan atau kawasan terosot yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang akibat bencana alam atau penerokaan untuk pembangunan dijulkan semula.

"Sehingga tahun 2023, keluasan Projek Penghutanan Semula telah meningkat kepada seluas 34,342.22 hektar. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada tahun 2022 telah meluluskan Projek Perhutanan Semula di Negeri Pahang kepada Syarikat Amat Bayu Sdn. Bhd.

"Pada 20 Oktober lalu, Memorandum Perjanjian (MOA) telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Pahang yang diwakili oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Syarikat Amat Bayu Sdn. Bhd. untuk Projek Penghutanan Semula seluas 20,303.27 hektar di Negeri Pahang selama 60 tahun dan ia akan dilakukan secara berfasa," katanya.

Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my Januari 29, 2024 @ 3:23pm

BH BeritaHarian

HERET PENEROKA HARAM HUTAN SIMPAN DI PAHANG KE MAHKAMAH, TIADA LAGI KOMPAUN - MB

RAUB: Pihak terbabit penerokaan hutan simpan secara haram di Pahang tidak akan dikenakan tindakan kompaun seperti sebelum ini, sebaliknya akan segera diheret ke mahkamah.

Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata ia sebahagian tindakan yang akan diambil kerajaan negeri bagi menangani kegiatan penerokaan haram hutan simpan, selain melombong dan memindahkan balak secara haram.

Katanya, ia susulan kejadian tanah runtuh terkini yang berlaku di di Cameron Highlands yang meragut lima nyawa baru-baru ini, yang mana penerokaan haram dikesan berlaku di kawasan runtuhan itu.

"Bagi memberi kesedaran kepada pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan aktiviti penerokaan hutan simpan secara haram selain melombong dan memindahkan balak secara haram, tindakan tegas mengheret mereka segera ke mahkamah kini dilakukan dan tidak lagi dikenakan kompaun seperti mana sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Perhutanan Semula Dalam Hutan Simpan Kekal Pahang di Hutan Simpan Tersang, di sini hari ini.

Sabtu lalu, Pegawai Daerah Cameron Highlands, Syed Ahmad Khirulanwar Al-Yahya Syed Abdul Rahman mengesahkan penerokaan haram aktif lebih setahun lalu di kawasan runtuhan tanah di Batu 59, Blue Valley di Cameron Highlands.

Ia membabitkan keluasan 4.31 hektar di kawasan Hutan Simpan Sungai Wi-D bagi tujuan tanaman sayur, dengan tindakan penguatkuasaan termasuk sitaan dan tangkapan dikenakan terhadap pengusaha April tahun lalu di bawah Seksyen 81 Akta Perhutanan Negara 1984.

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata kejadian tanah runtuh dapat dielakkan sekiranya aktiviti penerokaan secara haram hutan simpan tidak dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.



Wan Rosdy (dua dari kanan) bersama Pengarah Perhutanan negeri, Roslan Rani melihat pokok Albizia pada Majlis Pelancaran Projek Perhutanan Semula Dalam Hutan Simpan Kekal Pahang di Hutan Simpan Tersang. - NSTP/ MOHD RAFI MAMAT

Malah, beliau berkata, pihak terbabit seperti degil dengan larangan dikeluarkan kerajaan negeri yang melarang sebarang kegiatan menceroboh hutan simpan di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands.

Katanya, pelbagai usaha pencegahan kegiatan menceroboh hutan simpan dilakukan pihak berkuasa secara berterusan, namun kegiatan berkenaan masih terus berlaku.

"Kerajaan negeri memandang serius aktiviti pencerobohan hutan simpan di Cameron Highlands oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mengusahakan projek pertanian berskala besar.

"Saya berharap Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan agensi penguat kuasa lain dapat terus memperhebatkan usaha mengesan kegiatan mencerobuh hutan simpan di Cameron Highlands bagi memastikan kejadian tanah runtuh tidak terus berlaku hingga mengorbankan nyawa," katanya.

Mengenai projek perhutanan semula, beliau berkata ia cukup penting terutamanya dalam memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan di Pahang dapat dipergiatkan.

Katanya, projek perhutanan semula di Pahang bermula tahun 2000 membabitkan kawasan seluas 404.69 hektar dan sehingga tahun lalu, kawasan seluas 34,342.22 hektar telah dibangunkan.

"Kali ini syarikat Amat Bayu membangunkan kawasan seluas 20,303.27 hektar di Hutan Simpan Tersang dengan tanaman pokok Albizia," katanya.

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1209199/heret-peneroka-haram-hutan-simpan-di-pahang-ke-mahkamah-tiada-lagi

NEW STRAITS TIMES

Pahang embarks on extensive forest reforestation project

By Nst Regional – January 30, 2024 @ 6:29



RAUB: The Pahang state government has reiterated its commitment to the preservation and rehabilitation of forests within the state.

Pahang Media, in a report on Jan 29, said that Chief Minister Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, during the inauguration of the project at the Tersang Permanent Forest Reserve, had emphasised the government's dedication to maintaining and enhancing forest areas, crucial for ecological balance and as a response to climate change challenges.

"This reforestation project is crucial as it aims to ensure that the conservation and restoration of forests in Pahang are intensified and enhanced continually. The Pahang state government is deeply committed to the conservation and restoration of forests, particularly for preserving the state's forested areas.

"This is an initiative of the state government towards greening, where these forests will be conserved and rehabilitated in alignment with the ESG (Environmental, Social, and Governance) concept," he said.

The reforestation project was initiated in 2000 and covers an area of 404.69 hectares and includes previously deforested or eroded areas identified by the Pahang State Forestry Department. As of 2023, the project's coverage has expanded to 34,342.22 hectares. The state government, through its Executive Council Meeting in 2022, approved the continuation of the project to Amat Bayu Sdn Bhd.

Amat Bayu Sdn Bhd director Datuk Ahmad Najmi outlined the company's ambitious plan to plant 180 million trees over the next 60 years, adhering to international environmental and social standards.

The company aims to obtain the PEFC (Programme for the Endorsement of Forest Certification) and has set a goal to plant 5 million trees annually, a feat recognised by the Malaysia Book of Records.

https://www.nst.com.my /news/nation/2024/01/1007770/pahang-embarks-extensive-forest-reforestation-project

KERATAN AKHBAR

Oleh : Fansurina Abdullah *13 March, 2024*

KERAJAAN PAHANG NAFI PENGELUARAN NADIR BUMI OKSIDA DI LIPIS



YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail

KUANTAN, 13 MAC 2024 : Kerajaan Pahang menafikan berlaku pengeluaran bahan nadir bumi oksida secara haram di kawasan hutan simpan di Daerah Lipis sebagaimana dinyatakan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Ipoh Timur, YB Lee Chuan How, di Parlimen, semalam.

LYAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kenyataan tersebut adalah kurang tepat di mana tiada sebarang aktiviti pengeluaran bahan nadir bumi di daerah Lipis meskipun terdapat cubaan untuk melakukan aktiviti melombong bahan tersebut.

Jelasnya, hasil maklumat dan intipan yang dilakukan oleh Pasukan Elit Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) pada 20 Mac 2023 telah mengesan dan menjumpai satu lokasi yang cuba dijadikan kawasan lombong nadir bumi berdasarkan peralatan yang ditemui.

"Susulan penemuan ini, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Negeri Pahang telah menjalankan pemeriksaan tapak di lokasi itu pada 23 Mac 2023 (Khamis) dan hasil siasatan mendapati bahawa penemuan alatan dan barang-barang makmal yang digunakan menunjukkan kawasan tersebut adalah untuk melombong nadir bumi.

"Bagaimanapun, tiada aktiviti pengeluaran dikesan dan semua peralatan tersebut telah dirampas pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media di laman rasmi Facebook miliknya, hari ini.


Malah, katanya, lanjutan daripada kes tersebut, UPNP bersama pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Penguatkuasa Perhutanan Zon Pahang Barat telah melakukan pemantauan berkala bermula 3 Mei 2023 hingga 15 Februari 2024 di kawasan Pahang Barat dan mendapati tiada sebarang aktiviti perlombongan nadir bumi berlaku.

"Oleh yang demikian, saya berharap fakta ini dapat diperbetulkan kerana kenyataan yang dinyatakan semalam telah menjejaskan nama baik Negeri Pahang, lebih-lebih lagi Kerajaan Negeri Pahang yang sejak 5 tahun lalu begitu tegas melaksanakan penguatkuasaan bagi membendung aktiviti pencerobohan tanah secara haram termasuk aktiviti perlombongan daripada berleluasa," katanya.

Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada aktiviti penerokaan tanah secara haram berlaku di Pahang pada masa akan datang.

Sebanyak 137 kes pencerobohan tanah Kerajaan Negeri telah berjaya diselesaikan dengan 129 kes telah dikenakan kompaun dan 8 kes lagi telah didakwa di mahkamah dan dijatuhkan hukuman sejak penubuhan UPNP pada 9 Oktober 2019 – PAHANGMEDIA

https://pahanoftmedia.my /archives /40045







https://www.hmetro.com.my/vroom/2024/03/1073 260/terperosok-masuk-lubang

lizamridzuan@hmetro.com.my Mac 24, 2024 @ 6:12am

TERPEROSOK MASUK LUBANG

Cabaran kembara lasak motosikal kini semakin mendapat perhatian serta mula dianjurkan di Malaysia dan salah satunya menerusi Holeshot Endurance Rally 2024 yang diadakan baru-baru ini.

Ia berlangsung selama dua hari yang bermula di Felda Medoi di Segamat Johor dan berakhir dan Pantai Rantau Panjang, Kuala Rompin Pahang dan kemudian berpatah balik pada hari kedua.

Acara ini adalah anjuran Holeshot Motowear yang mendapat kerjasama daripada Perbadanan Taman Negari Pahang (PTNP).

Konsep kembara motosikal lasak menerusi 'trail off-road' ini dengan melalui jalan Hutan Simpan Kekal Lesong di Pahang yang melibatkan pelbagai jenis motosikal jenis dual-purpose atau pengembaraan seperti BMW GS, KTM Adventure, Yamaha Tenere, Suzuki VStrom 800DE, Honda Africa Twin, Gas Gas, Husqvarna, Aventa Ranger dan banyak lagi.

Lebih 200 penyertaan dicatatkan dengan penampilan peserta pelbagai peringkat daripada pro dan amatur seperti Gabit, Acoi Pangkoto dan Hazim Hayazi menambah kemeriahan acara.

Kembara hari pertama dimulakan seawal jam 9 pagi dari Segamat dan kemudian singgah di Felda Selancar 2 bagi isian bahan api dan meneruskan perjalanan dengan pelbagai cabaran berjaya ditempuhi peserta meskipun keadaan permukaan laluan yang sukar oleh kerana cuaca hujan yang turun sebelum acara.

Hampir keseluruhan perjalanan menerusi jalan tanah merah, hutan dan kawasan berbukit yang bukan sahaja mencabar mental malahan fizikal peserta bagi melepasi setiap laluan dengan pelbagai situasi yang tidak dijangka kerap berlaku.

Sepanjang laluan turut menyaksikan banyak motosikal terjatuh kerana jalan licin, selain ada yang terperosok ke dalam lubang adalah warna-warni aktiviti yang menjadikan ia tampil lebih drama.

Namun tiada kecederaan peserta dilaporkan dan kesemuanya berjaya menamatkan kembara rali pada hari pertama dan peserta terakhir tiba jam 5.30 petang.

Selibanya di Rompin, peserta berkhemah di Pantai Perkhemahan Perkampungan Pelancongan, Kampung Rantau Panjang di Kuala Rompin, Pahang untuk berehat sebelum menyambung cabaran pada hari kedua.

Sebelum perlumbaan pada keesokan harinya, diadakan aktiviti menanam pokok menerusi Program Kempen 100 juta Pokok oleh Jabatan Hutan Daerah Rompin bersama peserta sebagai salah satu aktiviti kelestarian alam sekitar.

Peserta kemudian dilepaskan untuk kembali ke Segamat menggunakan laluan yang sama dan peserta terakhir tiba ialah pada jam 3.30 pagi.

Sebanyak 11 peserta tidak dapat meneruskan perlumbaan akibat kerosakan yang dialami pada motosikal selain masalah teknikal yang berlaku kepada peserta.

Pengarah Holeshot Motowear, Masri Ee Hashim Ee sebagai penganjur Holeshot Endurance Rally 2024 berkata acara ini sebagai menambah minat ramai serta menyediakan kepada peminat sukan permotoran lasak platform untuk melakukan aktiviti.

PROLONGED DRY SEASON SPARKS MASSIVE FOREST FIRES IN PAHANG

NEW STRAITS TIMES

KUANTAN: Over the past few days, firefighters in the state capital have been kept busy battling with massive forest fires at various locations here.

Wildfires prolonged by the dry season have engulfed peat, bush and plantation fires triggering haze in certain areas, including housing settlements.

Pahang Fire and Rescue Department public relations officer Zulfadil Zakaria said forest fires have been reported at Sungai Ular, Taman Pandan Damai and Taman Inderasempurna.

"About four hectares of bush is in flames near the Sultan Ahmad Shah Maritime Academy in Sungai Ular. The rescue team experienced some setbacks to identify a proper access road to reach the burning site.



BY T.N. ALAGESH - APRIL 8, 2024 @ 12:11PM

"The Department of Environment provided assistance by using drones to help us identify the exact affected location so that fire trucks can reach the site," he said, adding no casualties have been reported so far.

Meanwhile, thick smoke from the bush and peat fires near Taman Indera Sempurna here resulted in poor visibility along Jalan Kuantan-Pekan and large deposits of ash from the wildfires being blown towards the nearby housing areas.

The Pahang Fire and Rescue department wrote on Facebook that they received some 800 calls related to forest fires across Pahang since the dry season began early this year with Kuantan recording 150 calls.

"Firemen and our assets have been responding to the calls during the day and night. There are occasions when the forest fires occur simultaneously in an area under the jurisdiction of one station and this makes the situation challenging," read the statement.



Prolonged dry season sparks massive forest fires in Pahang

KUANTAN: Over the past few days, firefighters in the state capital have been kept busy battling with massive forest fires at various locations here.

Firemen putting out the bush fires in Sungai Ular. - Pic courtesy of Fire and Rescue Dept

https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1035676/prolonged-dry-season-sparks-massive-forest-fires-pahang

30 April, 2024



Ops Sekat yang melibatkan beberapa agensi iaitu UPNP, Pejabat Perhutanan, dan Pasukan Gerakan Am (PGA) di di Hutan Simpan Kekal (HSK) Gunung Benom.

DUA PEKEBUN HARAM MUSANG KING DITAHAN, CEROBOH HUTAN SIMPAN KEKAL





RAUB, 30 APRIL 2024 : Kerajaan Pahang melalui Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) terus bertindak tegas terhadap aktiviti pencerobohan hutan di negeri ini dengan menahan dua pekebun haram musang king dalam Ops Sekat di Sungai Ruan di sini hari ini.

Menurut Ketua Polis Daerah Raub, Supt. Mohd Shahril Abd Rahman, kedua-dua individu berkenaan ditahan kerana disyaki mengusahakan kebun durian Musang King secara haram ketika operasi dijalankan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Gunung Benom.

"Hari ini kita telah mengadakan ops bersepadu yang dinamakan Ops Sekat yang melibatkan beberapa agensi iaitu UPNP, Pejabat Perhutanan, dan Pasukan Gerakan Am (PGA).

"Ketika rondaan tengah hari tadi, kita telah menahan seorang perempuan warga tempatan berusia 76 tahun dan seorang lelaki warga asing yang sedang melakukan kerja-kerja kebun, membaja di kawasan tersebut.

"Kedua-dua mereka akan diduduh di bawah Seksyen 47 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 yang boleh dikenakan denda maksima RM10,000 dan/atau dipenjarakan maksima tiga tahun," katanya.

Beliau berkata pihaknya juga akan mengemukakan laporan berkenaan sekatan yang dilakukan oleh sekumpulan lelaki ketika operasi dijalankan. "Mereka juga telah melakukan kesalahan menghalang penjawat awam daripada melakukan tugas di mana semasa UPNP dan Pejabat Hutan ingin membawa keluar mereka yang ditahan, telah berlaku provokasi dan juga halangan salah.

"Kumpulan lelaki ini telah mengugut yang mana mereka akan membuat halangan menggunakan kenderaan yang banyak supaya kita tidak dapat membawa keluar dua individu ini.

https://pahangmedia.my/archives/40575

KERATAN AKHBAR

PENGELUARAN BALAK DI BESERAH DALAM KAWASAN TANAH PERSENDIRIAN

KUANTAN, 1 MEI 2024 : Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menafikan aduan awam bahawa berlakunya pembalakan haram di Bukit Beserah seperti yang disiarkan di sebuah akhbar tempatan, semalam.

JPNP dalam satu kenyataan memberitahu bahawa pihaknya telah membuat semakan dan mendapati bahawa pembalakan dilakukan di kawasan berstatus tanah milik malah tiada sebarang aktiviti tebangan luar kawasan lesen dan kesalahan hutan dilakukan oleh pelesen.

"Sebuah syarikat telah diberikan lesen selama tiga bulan bagi mengeluarkan kayu balak dan saki-baki kayu di kawasan seluas 3.2425 hektar.

"Had pengeluaran bagi lesen ini telah ditetapkan pada 397.83 meter persegi dan had kayu jaras adalah 900 batang," kata kenyataan itu.

JPNP juga akan terus menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas kawasan ini bagi memastikan aktiviti pengusahasilan yang dijalankan adalah mematuhi peraturan yang digariskan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 serta Standard Operating Procedure (SOP) bagi Garis Panduan Pemuatan dan Pengangkutan Kayu Balak 2019. -PAHANGMEDIA

https://pahangmedia.my/archives/40582



myMetro

Tangkapan dua individu kerana ada bukti - MB Pahang

Kuantan: Tindakan menahan dua individu yang dikatakan menceroboh tanah milik kerajaan Pahang dalam Ops Sekat di Sungai Ruan, Raub, semalam tidak dilakukan sewenang-sewenangnya.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, tindakan penguatkuasaan itu dilaksanakan berdasarkan bukti dan alasan kukuh sebelum penahanan dilakukan.

"Saya yakin apabila ada tangkapan dilakukan, sudah pasti ada kesalahan dan penguat kuasa ada bukti untuk menahan dua individu terbabit.

"Penguat kuasa tidak akan mengambil tindakan sewenang-wenangnya tanpa ada bukti dan alasan yang kukuh apabila menceroboh tanah milik kerajaan negeri," katanya.

Asrol Awangam@hmetro.com.my
Disiarkan pada: Mei 1, 2024 @ 4:26pm

Wan Rosdy berkata demikian ketika diminta mengulas penahanan dua individu kerana menceroboh kawasan hutan tanaman durian Musang King di Raub, semalam.

Wan Rosdi ditemui selepas Majlis Perasmian Penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Amal Isteri Wakil-Wakil Rakyat Pahang (Teratai) Ke-42 dan Jamuan Aidilfitri, di sini, hari ini.

Berdasarkan laporan, dua individu terbabit ditahan kerana disyaki mengusahakan kebun durian Musang King secara haram ketika operasi dijalankan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Gunung Benom.

Ops Sekat itu membabitkan beberapa agensi iaitu Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dan Pasukan Gerakan Am (PGA).

Justeru, bagi memastikan tiada pencerobohan tanah milik kerajaan, Wan Rosdy berkata, operasi dan pemantauan berterusan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1085729/tangkapan-dua-individu-kerana-ada-bukti-mb-pahang



Disiarkan pada: Mei 7, 2024 @ 3:43pm

myMetro

CEROBOH HUTAN SIMPAN NEGARA, 4 WARGA ASING DICEKUP

Raub: Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub menahan seorang warga Myanmar dan tiga Nepal yang menceroboh Hutan Simpan Gunung Benom di sini, semalam.

Keempat-empat individu itu diberkas dalam Operasi Bersepadu 'Ops Sekat', di sini.
Warga asing berumur antara 19 hingga 37 tahun itu dipercayai menjadikan hutan simpan berkenaan sebagai laluan utama mereka keluar masuk ke kawasan pertanian diusahakan.

Pegawai Hutan Daerah (PHD) Raub, Safiah Aimi Md Isa berkata, dalam operasi itu, pihaknya turut menyita motosikal, dua lori dengan muatan tomato dan kenderaan pacuan empat roda bersama peralatan pertanian.

Menurutnya, operasi bersepadu itu disertai agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM) Raub, Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) dan Unit Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Pahang Barat.

Katanya, pasukan penguatkuasaan dibahagi kepada dua kumpulan yang memasuki hutan simpan Gunung Benom, Kampung Temalian dan Sungai Chalit.

"Kumpulan kedua pula memasuki kawasan Tras dan Hutan Simpan Kekal Batu Talam.
"Siasatan yang dilakukan mendapati tiga warga asing yang ditahan bersama dua lori dengan muatan tomato menjalankan aktiviti pertanian di atas tanah milik persendirian. Bagaimanapun mereka tidak memiliki permit atau kebenaran melalui jalan dalam hutan simpan Gunung Benom.

"Kami turut menemui seorang lelaki tempatan yang sedang melakukan kerja membersih kebun durian yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan di KampungTras," katanya.
Beliau berkata, warga asing yang ditahan kemudian dibebaskan selepas mendapat jaminan polis dan barangan yang sita disimpan di Stor Rampasan JPNP Batu 18, Tersang di sini.
Safiah Aimi berkata, mereka diambil tindakan mengikut Seksyen 47 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana berada dalam hutan simpan tanpa permit atau kebenaran daripada JPNP, sabit kesalahan boleh didenda RM10,000 atau penjara tiga tahun.
Beliau menambah, Operasi Bersepadu 'Ops Sekat' yang bermula Selasa lalu dilakukan bertujuan untuk memastikan Hutan Simpan Gunung Benom yang sebelum ini diusahakan dengan tanaman durian Musang King tidak terus diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, operasi bersepadu yang diadakan kali ini dilakukan susulan tindakan tegas JPNP memusnahkan kebun durian Musang King seluas 101 hektar membabitkan kira-kira 15,000 pokok durian yang diusahakan kira-kira 20 pekebun secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam pada 2021.

Menurutnya, pihaknya akan melakukan operasi dan pemantauan secara berterusan dari semasa ke semasa menggunakan dron dalam memastikan kawasan berkenaan tidak terus diceroboh oleh mana-mana pihak.

https://www.hmetro.com.my /mutakhir/2024/05/1087774/ceroboh-hutan-simpan-negara-4-warga-asing-dicekup



10 Mei 2024

POLIS PAHANG AMBIL KETERANGAN INDIVIDU CEROBOH HUTAN SIMPAN DI RAUB

KUANTAN: Polis sedang mengambil keterangan beberapa individu berhubung insiden menghalang penjawat awam menjalankan tugas ketika operasi penguatkuasaan di hutan simpan di Raub yang dipercayai diceroboh bagi penanaman durian musang king, baru-baru ini.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata setakat ini pihaknya sudah mengenal pasti kira-kira 20 individu termasuk seorang wakil rakyat bagi membantu siasatan.

"Polis dalam proses melengkapkan siasatan sebelum tindakan lanjut diambil dan kes disiasat mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan," katanya di sini hari ini.

Selasa lalu, dua individu termasuk seorang wanita ditahan bagi membantu siasatan kerana dipercayai menceroboh kawasan berkenaan dan berlaku provokasi serta sekatan ketika membawa keluar mereka daripada lokasi tersebut.

Yahaya berkata, tiga lelaki termasuk seorang warga Myanmar turut ditahan semalam atas kesalahan menceroboh kawasan sama dan mereka yang ditahan diserahkan kepada Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 47 (1) Akta Perhutanan Negara 1984.

Mengulas lanjut, beliau berkata, operasi pada Selasa lalu hanya membabitkan lebih 50 anggota dan pegawai polis antaranya daripada Unit Tempur Ringan (LSF) bukannya Unit Simpanan Persekutuan (FRU) seperti didakwa.

Sementara itu, Yahaya mengingatkan kepada semua pihak supaya memberikan kerjasama yang baik dan mematuhi undang-undang ditetapkan.
"Jangan cetuskan provokasi, polis ambil tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada malah saya nak ingatkan jangan memainkan sentimen 3R (raja, agama dan kaum) dalam isu ini," tegasnya.

SUMBER: BERNAMA

https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/05/10/polis-pahang-ambil-keterangan-individu-ceroboh-hutan-simpan-di-raub/

KERATAN AKHBAR

Oleh : Ain Nadhirah Basha 5 June, 2024



45 INDIVIDU DITAHAN CEROBOH TANAH DALAM OPS SEKAT

BENTONG, 05 JUN 2024 : Pihak berkuasa telah menahan 45 individu yang terlibat dalam pencerobohan tanah bagi penanaman Musang King di Raub sepanjang Ops Sekat dijalankan.

Menurut Ketua Polis Pahang, YH CP Dato' Seri Yahaya Othman kesemua yang ditahan berusia antara 19 tahun sehingga 67 tahun melibatkan warganegara dan juga warga asing.

"Pada 30 April kita telah membuat Ops Sekat dengan bantuan daripada pihak penguasa negeri dan Jabatan Perhutanan untuk menguatkuasakan larangan mencerobohan tanah milik negeri di kawasan Hutan Simpan.

"Dan kita telah membuka 50 kertas siasatan melibatkan kesalahan di bawah Kanun Keseksaa, Kanun Tanah Negara Akta 828, Akta Perhutanan Negara 1984, dan Akta Imigresen 1959/1963.

Selain itu, kita juga telah merampas sebanyak 44 buah motorsikal, 12 buah hilux, empat buah motorlori, empat buah traktor, dua buah jentera backhoe, dan empat buah excavator," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media berkaitan isu tanah Musang King di Raub di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong hari ini.

Menurut beliau, penguatkuasaan telah dilaksanakan di lapan lokasi serta pihak penguatkuasa juga telah membina lapan parit gajah bagi menghalang pencerobohan berlaku.

"Sebanyak lapan lokasi operasi ini telah dijalankan iaitu Hutan Simpan Kekal (HSK) Gunung Benum, Sungai Calit, Sungai Ruan; HSK Batu Talam, Sungai Sempam, Tranum.

"HSK Kampung Temalian, Ulu Dong; HSK Kampung Perdak, Ulu Dong; HSK Rotan Tunggal, Raub; Tanah Kerajaan Negeri Sungai Kenong, Tras, Tranum; Tanah Kerajaan Negeri Kampung Sang Lee, Tras, Tranum.

"Sebanyak lapan lokasi pembinaan parit gajah dengan lebar dan tinggi 2.5 meter sehingga 4 meter telah dibuat iaitu di HSK Gunung Benom; HSK Batu Talam; HSK Sungai Sempam; HSK Rotan Tunggal, Raub; HSK Taching, Raub; HSK Ulu Dong, Raub; dan HSK Tersang, Raub melibatkan dua lokasi," katanya.

https://pahangmedia.my /archives/41238

19 Ogos 2024



KEBUN SAYUR HARAM DI HUTAN SIMPAN ULU BERTAM DIMUSNAHKAN DALAM OPERASI BERSEPADU

CAMERON HIGHLANDS: Kegiatan penanaman haram pelbagai jenis sayuran di kawasan seluas lebih 0.5 hektar di Hutan Simpan Ulu Bertam di sini, berakhir apabila dimusnahkan dalam operasi bersepadu, kelmarin.

Operasi pemusnahan bersepadu selama lima jam bermula sembilan pagi itu digerakkan oleh Unit Penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP).

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Grippin Akeng, berkata operasi itu dibuat selepas pihaknya mendapat maklumat sebelum tinjauan dilakukan anggota penguat kuasa yang mengesan terdapat kebun sayur dalam kawasan hutan simpan itu.

Katanya, anggota risikan yang memasuki kawasan itu menemui kebun dengan tanaman kacang buncis dan bawang dipercayai diusahakan oleh seorang penduduk tempatan yang menggunakan tiga pekerja warga asing.

"Ketika serbuan dilakukan tiga pekerja warga asing yang terbabit mengusahakan kebun berkenaan sempat melarikan diri, mereka dipercayai terlebih dahulu menghidu pergerakan operasi yang dilakukan.

"Semua tanaman sayur, stor baja dan pondok tempat tinggal pekerja dimusnahkan bagi memastikan kegiatan berkenaan tidak terus berulang, kemudian kita pulihkan kawasan terbabit dengan menanam tanaman sesuai di tanah tinggi seperti pokok jenis gerok.

"Operasi bersepadu tanah tinggi Cameron Highlands diadakan dari masa ke semasa untuk memastikan aktiviti menanam sayur dalam kawasan hutan simpan tidak terus berlaku," katanya, di sini hari ini/

Beliau menambah, tindakan tegas memusnahkan tanaman sayuran perlu diambil kerana ia menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 32 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana mencerobuh kawasan hutan simpan.

Grippin berkata, operasi kali ini diketuai Pegawai Hutan Cameron Highlands, Arifhadi Johari Affandi bersama 24 anggota penguat kuasa PHD Cameron Highlands, PDRM dan UPNP.

Beliau berkata, pihaknya tidak pasti bila kawasan pertanian terbabit mula diteroka, penemuan kawasan cerobuh itu selepas semakan imej Forest Monitoring by Remote Sensing (FMRS) pada 9 Julai lalu, selain tinjauan secara berkala kakitangan PHD Cameron Highlands yang membuat rondaan setiap bulan.

Tambahnya, pemintaan tinggi terhadap sayuran tanah tinggi Cameron Highlands menjadi faktor utama kegiatan mencerobuh hutan simpan di daerah ini terus berlaku walaupun tindakan penguat kuasaan dilakukan secara berterusan.

Menurutnya, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat dalang tempatan yang menggunakan warga asing sebagai buruh pertanian sepenuh masa, hasil pertanian dipasarkan oleh individu terbabit.

https://www.hmetro.com.my /mutakhir/2024/https://www.mkn.gov.my /web/ms/2024/08/19/kebun-sayur-haram-di-hutan-simpan-ulu-bertam-dimusnahkan-dalam-operasi-bersepadu/1168454/cerobch-tanam-musang-king-di-hutan-simpan-kelau

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN
20 September 2024, 12:55 pm

Kosmo!

Pendakian, dua tapak rekreasi popular di Cameron ditutup

CAMERON HIGHLANDS – Semua aktiviti rekreasi di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) ditutup sementara dari 18 September hingga 22 September ini susulan keadaan cuaca tidak menentu termasuk jangkaan ribut petir dan hujan.

Menurut kenyataan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, penutupan berkenaan melibatkan semua pendakian di dalam semua HSK Daerah Cameron Highlands berikutan ramalan cuaca ribut petir pada minggu ini.

Selain itu katanya aktiviti di dua tapak rekreasi terkenal iaitu Taman Eko Rimba Mossy Forest dan aktiviti perkhemahan di Taman Eko Rimba Sungai Pauh turut dilarang dalam tempoh berkenaan.

"Bagi tempahan pendakian dan perkhemahan yang telah dilakukan antara 18 September hingga 22 September 2024 pemohon hendaklah menghubungi Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands untu menjadualkan semula tempahan yang dilakukan.

"Segala kesulitan yang timbul disebabkan penutupan sementara ini akan dikesali,"kata kenyataan tersebut.

Sementara itu Titian Kanopi Taman Negara Pahang di Jerantut turut ditutup sementara setelah mengalami kerosakan akibat ditimpa pokok tumbang.

Menurut kenyataan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) operasi titian kanopi berkenaan ditutup bermula 18 September sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. – KOSMO! ONLINE



https://www.kosmo.com.my/2024/09/20/pendakian-dua-tapak-rekreasi-popular-di-cameron-ditutup/



Mohd Rafi Mamatam@hmetro.com
Disiarkan pada: September 24, 202
3:4

Ladang sayur haram dalam hutan simpan dibongkar!

Cameron Highlands: Ceroboh dan buka ladang haram membabitkan penanaman pelbagai jenis sayuran di kawasan seluas 14.86 hektar berhampiran Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam di sini.

Kegiatan haram itu bagaimanapun berakhir apabila ladang sayur itu dimusnahkan dalam operasi bersepadu membabitkan 148 anggota Unit Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), tadi.

Timbalan Pengarah (Operasi) JPNP, Dr Grippin Akeng, berkata, operasi itu dilakukan selepas pihaknya mendapat maklumat disalurkan JPSM sebelum tinjauan dilakukan anggota penguat kuasa.

"Kami mengesan terdapat kebun sayur dalam dua kawasan hutan simpan.

"Katanya anggota risikan yang memasuki kawasan itu menemui kebun dengan tanaman kacang buncis, lobak, kubis dan bawang. Ladang itu dipercayai diusahakan beberapa penduduk tempatan menggunakan pekerja warga asing.

"JPNP akan terus meningkatkan pemantauan di beberapa kawasan hutan simpan di daerah ini seperti Hutan Simpan Ulu Bertam, Hutan Simpan Batu Gangan, Hutan Simpan Sungai Wi dan Hutan Simpan Terisu bagi memastikan tidak berlaku pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Operasi bersepadu kali ini dilakukan selama lima hari bermula semalam. Serbuan turut akan dilakukan di Hutan Simpan Batu Gangan dan Hutan Simpan Sungai Ichat," katanya yang mengharapkan kerjasama masyarakat setempat untuk memberi maklumat pencerobohan hutan simpan.

Sebelum ini Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meluahkan kebimbangan tanah di Pahang 'dijajah' pendatang asing secara terang-terangan berpunca kurangnya nilai integriti.

Baginda bertitah, sebagai contoh tanah-tanah di Cameron Highlands yang dipajak dan disewa kepada petani serta pengusaha tetapi kini disewakan kepada warga asing.

https://www.hmetro.com.my /mutakhir/2024/09/1137235/ladang-sayur-haram-dalam-hutan-simpan-dibongkar

KERATAN AKHBAR

Oleh KOSMO!
25 September 2024, 8.55 am

Kosmo.

Pahang janji baiki hutan lipur daif

TEMERLOH – Kerajaan negeri memandang serius keadaan kawasan rekreasi seperti hutan lipur yang terbiar sehingga mengalami kemusnahan teruk di Pahang yang terkenal dengan kelebihan eko-pelancongan.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Pahang, Leong Yu Man berkata, sehubungan itu beliau akan segera melawat kawasan hutan lipur terbabit dan melakukan perbincangan dengan pihak berkaitan dalam menangani masalah infrastruktur terbiar dan rosak.

"Salah satu kekuatan pelancongan di Pahang adalah eko pelancongan, kalau tidak silap di Pahang kita ada 65 kawasan pendakian yang melibatkan hutan simpan kekal dan ini bukan sahaja menarik pelancong domestik tetapi untuk pasaran antarabangsa kita juga terima permintaan.

Jadi dengan ini kita berharap boleh menikmati apa yang kita ada di Pahang untuk memaksimumkan produk kita, jangan kita membazirkan sumber-sumber kita supaya setiap produk pelancongan sedia ada dapat diselenggarakan dan dijaga dengan baik," katanya pada Majlis Perasmian Tapak Temerloh Umbrella and Art Street di sini semalam.

Baru-baru ini Kosmo! melaporkan beberapa hutan lipur di negeri ini yang satu ketika dahulu menjadi lokasi riadah dan kunjungan orang ramai bersama keluarga kini terbiar sepi tanpa sebarang penjagaan, selain kemudahan yang ada mengalami kerosakan dan musnah.

Berdasarkan tinjauan di beberapa hutan lipur seperti Hutan Lipur Som di Jerantut, Hutan Lipur Teladas di Maran, Taman Eko Rimba Terengun, Lipis dan juga Tasik Paya Bungor di Kuantan mendapati kawasan itu terus terbiar dan rumput panjang.



KEADAAN Hutan Lipur Som di Jerantut yang seolah-olah menjadi 'port hantu' di Temerloh.

https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/pahang-janji-baiki-hutan-lipur-daif/

CEROBOH HUTAN SIMPAN : 16.98 HEKTAR KEBUN SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS DIMUSNAH

MOHD RAFI MAMAT
AMBIHMETRO.COM.MY

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) sudah memusnahkan seluas 16.98 hektar kawasan ceroboh yang dijadikan kebun sayur di empat hutan simpan di Cameron Highlands.

Tindakan tegas itu dilakukan dalam operasi pemusnahan bersepadu selama lima hari berakhir semalam yang disertai seramai 148 anggota pelbagai agensi penguat kuasa.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Zahari Ibrahim, berkata turut dimusnahkan sebanyak 20 binaan yang terdapat dalam empat hutan simpan berupa rumah kongsi termasuk pondok, stor simpanan baja dan rumah plastik.

Menurutnya, operasi kali ini membabitkan empat kawasan hutan simpan, Hutan Simpan Sungai Ichat seluas 0.9. hektar diikuti Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar), Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar) dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar).

Katanya, kawasan yang ceroboh diusahakan dengan beberapa jenis tanaman sayur seperti kacang buncis, tobek, kubis dan bawang dipercayai diusahakan oleh beberapa penduduk tempatan yang menggunakan khidmat pekerja warga asing.

"Selain menggunakan kaedah menanam atas tanah, teknik para dawai juga digunakan terutama dibina di kawasan lereng bukit. Kerja memusnahkan tanaman sayur atas tanah menggunakan parang.

Operasi kali ini dibahagikan kepada dua kumpulan dan dianggap mencabar apabila terpaksa melalui jalan berbukit selain terletak di lereng bukit.

"Untuk sampai ke kawasan ceroboh dalam Hutan Simpan Bertam memerlukan perjalanan kira-kira sejauh enam kilometer (km).

"Selain memusnahkan tanaman sayur yang berada dalam hutan simpan, pada masa sama kita turut menanam kira-kira 2,300 pokok hutan," katanya, dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands sudah menyediakan sebanyak 12 papan notis pemberitahuan mengesongkan kawasan ceroboh sejak awal Julai lalu bagi memberi peluang kepada pihak terbabit tidak menerukan aktiviti menanam sayur, namun mereka seolah degil dengan meneruskan kegiatan pertanian.

Zahari berkata, tindakan tegas memusnahkan tanaman sayuran dan binaan diambil kerana ia menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 32 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana menceroboh kawasan hutan simpan.

Katanya, ketika serbuan pekerja warga asing yang mengusahakan kebun berkenaan sempat melarikan diri, dipercayai terlebih dahulu menghidu pergerakan operasi yang dilakukan.

Mereka dipercayai bersembunyi dalam kawasan kebun sayur yang terletak bersebelahan.

Katanya, pihaknya tidak pasti bila kawasan hutan simpan terbabit mula diteroka namun penemuan kawasan ceroboh itu selepas semakan data peniskan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pada Jun lalu, selain tinjauan secara berkala kakitangan PHD Cameron Highlands yang membuat rondaan setiap bulan.

Menurutnya, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat dalang penduduk tempatan yang menggunakan warga asing sebagai buruh pertanian sepenuh masa, hasil pertanian dipasarkan oleh individu terbabit.

"JPSM dan JPNP akan terus meningkatkan pemantauan di semua kawasan hutan simpan di daerah ini dalam memastikan tidak diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab yang menggunakan warga asing sebagai pekerja.

"Operasi berkepadu tanah tinggi Cameron Highlands disebkan dari masa ke semasa untuk memastikan aktiviti menanam sayur secara tidak sah dalam hutan simpan dapat disekat sepenuhnya," katanya.

Disiarkan pada: September 28, 2024 @ 12:41pm



https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1138523/ceroboh-hutan-simpan-1698-hektar-kebun-sayur-di-cameron-highlands-dimusnah anda

---



Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menanam pokok hutan spesies Merawan Siput Jantan di kawasan ceroboh Hutan Simpan Bertam. FOTO MOHD RAFI MAMATI

JPNP pulih semula dua kawasan diceroboh dengan pokok

Kuantan: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) akan mengadakan program pemulihan semula kawasan seluas 2.85 hektar di Hutan Simpan Sungai Ichat dan Hutan Simpan Batu Gangan di Cameron Highlands.

Program menanam kira-kira 2,000 pokok hutan itu diadakan selepas operasi pemusnahan bersepadu kawasan hutan simpan yang dijadikan kebun sayur secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pegawai Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, Arifhadi Johari Affandi berkata, sebelum ini sebanyak 2,300 pokok hutan ditanam di Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam.
Menurutnya, sempena 'Kempen Penghijauan Malaysia' pada 29 Oktober ini, kawasan seluas 1.5 hektar di Hutan Simpan Batu Gangan dan Hutan Simpan Sungai Ichat (1.35 hektar) akan ditanam semula.

"Program gotong-royong itu membabitkan penyertaan kira-kira 160 peserta terdiri daripada kakitangan JPNP dan agensi kerajaan di Cameron Highlands," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, pihaknya kemudian akan terus membuat pemantauan dan tinjauan bagi memastikan semua pokok ditanam hidup.
"JPNP akan mengadakan program restorasi di Cameron Highlands terutama membabitkan kawasan yang sebelum ini dijadikan kebun sayur secara haram.

"Selepas operasi musnah kebun haram ini dilakukan, kita akan hijaukan semula kawasan terbabit," katanya.

Dalam operasi pemusnahan bersepadu sebelum ini, kawasan kebun sayur seluas 16.98 hektar yang diusahakan secara haram dimusnahkan dalam operasi selama lima hari.

Mohd Rafi
Mamatam@hmetro.com.myDisiarkan pada: Oktober 9, 2024 @ 1:12pm

https://www.hmetro.com.my /mutakhir/2024/10/1142535/jpnp-pulih-semula-dua-kawasan-diceroboh-dengan-pokok

---

Utusan Malaysia

Oleh MEDIA MULIA
11 Oktober 2024, 6:39 am

TIADA AKTIVITI TEBANG, NYAHWARTA DI HUTAN SIMPAN SUNGAI LEMBING

Keadaan hutan di kawasan Hutan Sungai Lembing di Kuantan, Pahang.

KUANTAN: Tiada aktiviti penebangan, penyahwartaan kawasan hutan simpan kekal (HSK) di Sungai Lembing di sini sebaliknya terdapat kerja-kerja pembangunan tanah bagi tujuan penanaman kelapa di atas tanah kerajaan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Zainuddin Jamaluddin berkata, kawasan diusahakan di luar HSK di Sungai Lembing dan kerja pembangunan tanah di situ dikawal selia di bawah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuantan.

"Kawasan itu tiada sebarang permohonan dan kelulusan membalak bagi tujuan mengambil hasil hutan. Rondaan mendapati tiada sebarang kerja-kerja berkaitan pengumpulan kayu dan cubaan mengeluarkan kayu dilakukan pemaju.

Kelmarin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Mohamad Ayub Mat Ashri mempersoalkan tentang status kegiatan penebangan hutan yang didakwa sedang dilakukan di kawasan Hutan Sungai Lembing.

Mohamad Ayub dilaporkan sebagai berkata, pada 27 September lalu, beliau menerima surat edaran daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) berhubung kegiatan tersebut.
Jelas ADUN Sungai Lembing itu, surat edaran tersebut antaranya menyatakan terdapat aktiviti penebangan dan pembersihan hutan yang dikhuatiri dilakukan tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa berkaitan.

Akibat aktiviti itu, Mohamad Ayub mendakwa, selain masalah hakisan tanah, kegiatan penebangan hutan boleh menyebabkan banjir lumpur, kemusnahan habitat haiwan liar dan konflik antara manusia dan haiwan liar.




https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/tiada-aktiviti-tebang-nyahwarta-di-hutan-simpan-sungai-lembing/.

KERATAN AKHBAR

astro Awani

Bernama 22/10/2024 20:41 MYT

Aktiviti Hutan Simpan Kekal, Taman Eko Rimba di Pahang ditutup



KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memaklumkan penutupan sementara Taman Eko Rimba, Hutan Taman Negeri, kawasan ekopelancongan dan aktiviti rekreasi dalam Hutan Simpan Kekal di negeri berkenaan, susulan musim tengkujuh yang dijangka berlaku bulan depan.

Dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook rasminya, jabatan berkenaan memberitahu penutupan sementara yang bermula semalam (21 Okt) sehingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak, bagaimanapun tidak melibatkan Mossy Forest di Cameron Highlands.

"Oleh itu, semua jenis aktiviti rekreasi termasuk pendakian gunung, sukan lasak berkenderaan, penjelajahan gua dan lain-lain aktiviti riadah, adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh ini.

"Bagi pengunjung yang tidak mematuhi notis pemberitahuan ini, tindakan undang-undang akan dikenakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung terus ke Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, 09-5732911/2914," menurut kenyataan itu.

Dalam laporan media sebelum ini, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) Dr Mohd Hisham Mohd Anip dipetik berkata pihaknya meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) berlaku pada awal bulan depan, berdasarkan faktor klimatologi.

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aktiviti-hutan-simpan-kekal-taman-eko-rimba-di-pahang-ditutup-492972

30 October 2024

PAHANG MEDIA



PROGRAM KEMPEN PENGHIJAUAN MALAYSIA : PEMULIHAN SEMULA KAWASAN TEROKA DI HUTAN SIMPAN SUNGAI ICHAT DAN HUTAN SIMPAN BATU GANGAN CAMERON HIGHLANDS







Tarikh : 29 Oktober 2024 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Hutan Simpan Sungai Ichat dan Hutan Simpan Batu Gangan

Keluasan Kawasan : 2.85 Ha
Jumlah pokok yang ditanam : 2,000 pokok

Perasmi : Puan Siti Rothemanizan binti Otheman
(Wakil Pegawai Daerah Cameron Highlands)

Program ini merupakan gabungan kerjasama di antara jabatan dan agensi kerajaan di daerah Cameron Highlands

Objektif : Pemulihan semula kawasan pencerobohan hutan simpan yang telah diteroka dengan menjalankan inisiatif seperti aktiviti penanaman semula pokok di kawasan tertibat. Ini juga sebagai langkah dalam mengembalikan keseimbangan alam semula jadi dan memastikan kesinambungan sumber-sumber berharga. Bukan sahaja di kwsn Sungai Ichat dan Batu Gangan, malahan keseluruhan ekosistem Cameron Highlands

Bagi menghargai semangat kerjasama yang diberikan oleh wakil setiap jabatan/agensi, Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands telah menyediakan hadiah berupa hamper bagi kategori individu dan jabatan/agensi yang membuat penanaman pokok terbanyak serta hadiah berupa basikal kepada seorang peserta yang mendapat Tagging Pokok Bertuah sewaktu membuat penanaman

#MajuTerusPahang
#Pahang1st

https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=1059062312998760&id=100063850131932&mibextid=wwXIfr&wtsid=rdr_0EWbAbY4TCCdbwE

9,000 POKOK DITANAM DI KAWASAN HUTAN SIMPAN DICEROBOH DALAM 10 BULAN





CAMERON HIGHLANDS, 02 NOVEMBER 2024 : Hampir 9,000 pokok hutan pelbagai jenis telah ditanam di kawasan hutan simpan yang diceroboh di daerah ini dalam tempoh 10 bulan oleh Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands.

Menurut Pegawai Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, Encik Ariffhadi Johari Affandi, penanaman pokok ini akan dilakukan setiap kali selesai operasi tebas melibatkan kawasan yang diteroka secara haram.

"Dari masa ke semasa, kita mengadakan program restorasi di Cameron Highlands terutamanya membabitkan kawasan ceroboh yang sebelum ini dijadikan kebun sayur secara haram.

"Selepas operasi musnah dilakukan kita akan hijaukan semula kawasan terbabit dengan aktiviti menanam pokok hutan yang dilakukan dengan kerjasama Pejabat Silvikutur Negeri Zon Pahang Barat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

"Menjadi tanggungjawab kita selepas pemusnahan kebun haram dilakukan dengan berusaha memulihkan semula kawasan ceroboh terbabit dengan menanam beberapa jenis tanaman sesuai di tanah tinggi segera dilakukan," katanya ketika berucap Sempena Kempen Penghijauan Malaysia pemulihan semula kawasan teroka Hutan Simpan Sungai Ichat dan Hutan Simpan Batu Gangan yang disempurnakan Penolong Pegawai Daerah Cameron Highlands, YBhg. Puan Siti Rothemanizan Otheman.

Beliau berkata program penanaman semula kawasan ceroboh merupakan langkah bagi mengembalikan keseimbangan alam semula jadi dalam memastikan kesinambungan sumber berharga di daerah ini.

"Sebanyak 2,300 pokok hutan telah ditanam dalam aktiviti sama pada bulan lalu selepas operasi pemusnahan bersepadu dilakukan membabitkan Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam.

"Yang terbaharu adalah aktiviti menanam sebanyak 2,000 pokok hutan membabitkan spesies Meranti Bukit, Meranti Tembaga, Merbau dan Araucaria dilakukan kelmarin membabitkan kawasan Hutan Simpan Sungai Ichat dan Hutan Simpan Batu Gangan seluas 2.85 hektar.

"Selepas kerja penanaman dilakukan, kita akan terus membuat pemantauan dan tinjauan bagi memastikan semua pokok ditanam hidup. Kerja menyulam turut akan dilakukan bagi menggantikan pokok yang mati," katanya.

Menurut beliau, tindakan pemusnahan tanaman sayuran setiap kali operasi musnah dilakukan merupakan satu tindakan yang perlu diambil kerana ia menyalahi undang-undang di bawah Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana menceroboh kawasan hutan simpan.

"Dalam operasi pemusnahan bersepadu bulan lalu, kawasan kebun sayur seluas 16.98 hektar yang diusahakan secara haram dimusnahkan dalam tempoh lima hari operasi terbabit yang disertai kira-kira 148 anggota.

"Operasi membabitkan empat kawasan hutan simpan, Hutan Simpan Sungai Ichat seluas 0.9.hektar; Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar); Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar); dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar).

"Turut dimusnahkan 20 binaan yang terdapat dalam empat hutan simpan tersebut berupa rumah kongsi termasuk pondok, stor simpanan baja dan rumah plastik," katanya yang berharap aktiviti penerokaan haram hutan simpan dapat dibenteras. -PAHANGMEDIA

Oleh : Ain Nadhirah Basha

https://pahangmedia.my/archives/43398

astro Awani

Bernama 12/11/2024 13:17 MYT

Op Bersepadu Khazanah: Enam pemburu haram ditahan



KOTA BHARU: Enam lelaki ditahan disyaki pemburu haram di Ladang Pongsoi Mukim Semantan, Lanchang, Pahang, Ahad lepas.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid berkata kesemua yang berusia lingkungan 35 hingga 61 tahun itu ditahan menerusi Operasi Bersepadu Khazanah, pada 11.30 malam ketika berada di dalam sebuah kenderaan pacuan empat roda.

Beliau berkata pemeriksaan di dalam kereta itu menemukan selaras senapang patah jenis Remington 870 Express Magnum beserta 81 butir peluru hidup dan beberapa peralatan lain tanpa dokumen pemilikan sah.

"Senapang dan peralatan memburu ini dianggar bernilai RM10,810 dan disyaki digunakan untuk pemburuan haram di sekitar kawasan Hutan Simpan Kemasul, Temerloh.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nik Roz Azhan berkata PGA akan terus mempergiat usaha bagi mengekang kegiatan pemburuan haram daripada terus berleluasa di dalam negara.

-- BERNAMA

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-bersepadu-khazanah-enam-pemburu-haram-ditahan-495917

KERATAN AKHBAR

FMT Reporters

17 Nov 2024, 11:13 AM

TAMAN EKO RIMBA, HUTAN TAMAN NEGERI DI PAHANG DITUTUP AKIBAT MTL

Penutupan sementara itu tidak termasuk Taman Eko Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands.

PETALING JAYA:
Taman eko rimba, hutan taman negeri dan kawasan pelancongan eko di Pahang ditutup sementara disebabkan bermulanya monsun timur laut (MTL).

Aktiviti rekreasi dalam hutan simpan kekal (HSK) seperti pendakian gunung, perkhemahan, memancing, perkelahan dan sukan lasak berkenderaan turut dilarang sepanjang MTL yang diramalkan membawa hujan lebat, khasnya kepada negeri di Pantai Timur.

Penolong Pengarah Kanan Hutan Lipur Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Muhamad Rahman Mustafa, berkata penutupan sementara itu bermula 21 Okt lalu hingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak.


Beliau berkata, kejadian tidak diingini seperti kepala air, tanah runtuh, pokok tumbang dan terputus hubungan boleh berlaku ketika hujan lebat.

"JPNP sentiasa mengambil berat keselamatan pengunjung kawasan pelancongan sellaan jabatan. Keputusan menutup sementara perlu dilakukan demi keselamatan," katanya menurut Berita Harian.

"Bagi pengunjung yang tidak mematuhi notis ini, tindakan undang-undang boleh dikenakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung terus dengan JPNP di talian 09-5732911/2914."

Menurutnya, penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah akan melakukan rondaan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada individu berada dalam taman eko rimba, hutan taman negeri dan HSK sepanjang tempoh itu.

Tetapi, beliau berkata, penutupan sementara itu tidak termasuk Taman Eko Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands.
Terdapat 25 taman eko rimba dan dua taman negeri yang dikunjungi pelancong tempatan serta asing di Pahang.




https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/17/taman-eko-rimba-hutan-taman-negeri-di-pahang-ditutup-akibat-mtl/

Mohd Rafi Mamat

November 17, 2024 @ 9:41am

PAHANG TUTUP SEMENTARA TAMAN EKO RIMBA, HUTAN TAMAN NEGERI, LARANG AKTIVITI REKREASI DI HUTAN SIMPAN KEKAL

BH BeritaHarian



Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup sementara Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri serta kawasan pelancongan eko susulan Monsun Timur Laut (MTL) telah bermula. - NSTP/Mohd Rafi Mamat/Foto Hiasan

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup sementara Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri serta kawasan pelancongan eko di negeri ini susulan Monsun Timur Laut (MTL) yang telah bermula.

Turut dilarang, aktiviti rekreasi dalam hutan simpan kekal (HSK) membabitkan kegiatan seperti perkhemahan, memancing, perkelahan dan pendakian.

Penolong Pengarah kanan Hutan Lipur JPNP, Muhamad RahmanMustafa, berkata penutupan sementara bermula 21 Oktober lalu sehingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak.

"Bagaimanapun, penutupan tidak membabitkan Taman Eko Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands," katanya.

Selaras arahan itu, semua jenis aktiviti rekreasi termasuk pendakian gunung, sukan lasak berkenderaan, perjelajahan gua dan lain-lain aktiviti riadah tidak dibenarkan sepanjang tempoh berkenaan.

"Bagi pengunjung yang tidak mematuhi notis ini, tindakan undang-undang boleh dikenakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung terus dengan JPNP di talian 09-5732911/2914.

"JPNP sentiasa mengambil berat keselamatan pengunjung yang berada di kawasan pelancongan seliaan jabatan. Keputusan menutup sementara perlu dilakukan demi keselamatan," katanya.

Muhamad Rahman berkata, kejadian tidak diingini seperti kepala air, tanah runtuh, pokok tumbang dan terputus hubungan boleh berlaku sekiranya hujan lebat.

Katanya, penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah (PHD) akan melakukan rondaan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pihak berada dalam Taman Eko Rimba, Hutan Taman Negeri dan Hutan Simpan Kekal sepanjang tempoh larangan sementara itu.

Di Pahang, terdapat 25 Taman Eko Rimba dan dua taman negeri yang sentiasa menjadi lokasi kunjungan pelancong tempatan dan luar negara.

Monsun Timur Laut membawa hujan lebat terutama kepada negeri di Pantai Timur.

https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/02/785703/dua-kes-curi-balak-di-hutan-simpan-pahang

Sinar 15 TAHUN

ROSILAWATI ROSEDI
17 November 2024 03.28pm

Pahang tutup sementara taman eko rimba,Hutan taman negeri

KUANTAN - Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup sementara waktu Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri serta kawasan ekopelancongan di negeri ini ekoran Monsun Timur Laut (MTL) yang melanda negara.

Penolong Pengarah Kanan Hutan Lipur JPNP, Muhamad Rahman Mustafa berkata, penutupan sementara bermula 21 Oktober lalu sehingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak.

Menurutnya, turut dilarang aktiviti rekreasi dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) membabitkan aktiviti seperti perkhemahan, memancing, perkelahan dan pendakian. "Bagaimanapun penutupan tidak membabitkan Taman Eko Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands.

"Semua jenis aktiviti rekreasi termasuk pendakian gunung, sukan lasak berkenderaan, penjelajahan gua dan lain-lain aktiviti riadah, adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh ini," katanya di sini pada Ahad.

Tambah beliau, pengunjung yang tidak mematuhi notis pemberitahuan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Jelasnya, jabatan itu sentiasa mengambil berat keselamatan pengunjung yang berada dalam kawasan pelancongan di bawah selian JPNP dan keputusan menutup sementara perlu dilakukan demi keselamatan orang ramai.

Dalam pada itu, beliau berkata, anggota penguatkuasa Pejabat Hutan Daerah (PHD) akan melakukan rondaan dari semasa ke semasa bagi memastikan tidak ada pihak berada dalam kawasan terlibat sepanjang tempoh larangan sementara terbabit.

Di negeri ini, terdapat 25 Taman Eko Rimba dan dua taman negeri yang sentiasa menjadi lokasi kunjungan pelancong tempatan dan luar negara.

Orang ramai boleh mendapatkan sebarang maklumat atau pertanyaan dengan berhubung terus ke JPNP di talian 09573291 1/2914.



https://www.sinarharian.com.my/article/697064/edisi/pahang/mf-pahang-tutup-sementara-taman-eko-rimba-hutan-taman-negeri

Oleh : /yahira Yahya

20 November 2024

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Economy | Business | Technology | World



Yahaya menunjukkan barang rampasan semasa Ops Bersepadu Khazanah membabitkan satu laras senapang jenis 'pump gun' jenama remington 870 express magnum beserta 81 butir peluru.

TEMERLOH – Enam lelaki diberkas polis bersama selaras senapang dan 81 butir peluru disyaki melakukan pemburuan haram di Hutan Simpan Kemasul, di sini, pada 9 November lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kesemua suspek berusia 35 tahun hingga 60 tahun menaiki sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux ketika ditahan pada jam 11.30 malam di sekitar ladang Pongsoi Mukim Semantan, Lanchang.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan tersebut, polis menjumpai dan merampas satu laras senapang jenis 'pump gun' jenama Remington 870 Express Magnum beserta 81 butir peluru.



"Pasukan Op Bersepadu Khazanah yang terdiri dilakukan sepasukan polis dari batalion 7 Pasukan Gerakan Am, Kem Bukit Galing Kuantan dan sepasukan Pegawai Jabatan Perhilitan Negeri Pahang," katanya ketika sidang media di Balai Polis Kuala Krau, hari ini.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh mendapati, salah seorang lelaki berusia 37 tahun yang ditahan mengakui senjata api tersebut adalah miliknya.

"Suspek mengakui tidak pernah memiliki lesen senjata api untuk memiliki dan menggunakan senjata api yang dirampas tersebut," tambahnya.
Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai insiden tersebut diminta menyalurkannya dengan menghubungi hotline Polis Pahang ditalian 03-22662222 atau balai polis berhampiran. – MalaysiaGazette

https://malaysiagazette.com/2024/11/20/polis-tahan-enam-pemburu-bersama-senapang-81-butir-peluru/

KERATAN AKHBAR

Utusan Malaysia

NORFARHIZA MOHD. ATAR 25 November 2024, 4:28 pm

PAHANG JAMIN 2.06 JUTA HEKTAR KAWASAN BERHUTAN DIJAGA, TIDAK BERKURANGAN – WAN ROSDY



RAUB: Pahang memberikan jaminan kawasan berhutan seluas 2.06 juta hektar yang mewakili 57 peratus keluasan negeri ini akan dijaga dan tidak akan berkurangan.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, daripada jumlah itu, seluas 1.6 juta hektar merupakan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diuruskan berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM).

"Kerajaan Negeri juga sudah mewartakan seluas 645,751 hektar ataupun 40 peratus kawasan HSK ini sebagai Hutan Perlindungan yang mana "tidak boleh disentuh apalagi diusik" untuk kerja-kerja pengusahasilan hutan.

"Fakta ini meletakkan Pahang sebagai penyumbang terbesar kawasan berhutan dalam kalangan negeri-negeri di Semenanjung," katanya sempena Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 Peringkat Negeri Pahang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini hari ini.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, penggunaan teknologi seperti satelit, dron, dan sistem pengesanan jarak jauh kini membantu dalam memantau kawasan hutan dan mencegah pencerobohan secara lebih efisien.

"Kecerdasan Buatan (AI) juga membantu jabatan dalam usaha pemantauan sempadan-sempadan hutan yang terletak jauh dan tidak mempunyai akses jalan, kawasan hot spot, sempadan lesen pengusahasilan dan sempadan negeri.

"Teknologi AI juga akan digunakan sepenuhnya dalam penentuan dan penanda sempadan HSK dengan lebih tepat," ujarnya.

Dalam pada itu katanya, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menyumbangkan hampir RM100 juta hasil kutipan hutan yang turut menyumbang kepada kejayaan kutipan negeri sebanyak RM1.144 bilion sehingga November.

"Saya juga ucapkan terima kasih kerana mereka (JPNP) telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasa, kutipan kompaun dan ada juga kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah.

"Saya harap usaha ini dapat diteruskan dan keberkesanannya dapat kita lihat apabila hasil daripada Jabatan Perhutanan Negeri dapat ditambah dan aktiviti-aktiviti haram ini didapati semakin hari semakin kurang disebabkan oleh penguatkuasaan yang dijalankan," katanya. – UTUSAN

https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/pahang-jamin-2-06-juta-hektar-kawasan-berhutan-dijaga-tidak-berkurangan-wan-rosdy/



BERITA rtm

25 November 2024 03:19 PM

57 PERATUS KAWASAN BERHUTAN DI PAHANG DIJAMIN TERJAGA, TIDAK BERKURANGAN

RAUB, 25 November– Kerajaan Pahang memberi jaminan kawasan berhutan seluas 2.06 juta hektar yang mewakili 57 peratus keluasan negeri itu akan dijaga dan tidak akan berkurangan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, seluas 1.6 juta hektar merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diuruskan berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

"Saya harap ia dapat diteruskan malah dipertingkatkan lagi. Saya juga ucapkan terima kasih pada ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, wakil timbalan pengarahnya ada bersama dengan kita hari ini.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menyumbangkan hampir RM100 juta hasil kutipan hutan, yang turut menyumbang kepada kejayaan kutipan negeri sebanyak RM1.144 bilion sehingga November.

Kerajaan negeri juga telah mewartakan seluas 645,751 hektar ataupun 40 peratus kawasan HSK ini sebagai hutan perlindungan yang mana tidak boleh disentuh untuk kerja-kerja pengusahasilan hutan.

Fakta itu meletakkan Pahang sebagai penyumbang terbesar kawasan berhutan dalam kalangan negeri-negeri Semenanjung Malaysia," kata Wan Rosdy sempena Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 Peringkat Negeri Pahang di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Raub, Pahang.

Tambahnya, penggunaan teknologi seperti satelit, dron dan sistem pengesanan jarak jauh kini membantu dalam memantau kawasan hutan serta mencegah pencerobohan secara lebih efisien.

https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/57-peratus-kawasan-berhutan-di-pahang-dijamin-terjaga-tidak-berkurangan

25 November, 2024

PAHANG MEDIA

JPNP SUMBANG HAMPIR RM100 JUTA KUTIPAN HASIL KERAJAAN PAHANG

RAUB, 25 NOVEMBER 2024 : Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menyumbangkan hampir RM100 juta hasil kutipan hutan yang turut menyumbang kepada kejayaan kutipan negeri sebanyak RM1.144 bilion sehingga November.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kejayaan ini adalah hasil usaha JPNP menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan kutipan kompaun.

"Saya juga ucapkan terima kasih kerana mereka (JPNP) telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasa, kutipan kompaun dan ada juga kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah.





Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail (kiri) berangkat merasmikan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 peringkat Negeri Pahang Darul Makmur di UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub, hari ini.

"Saya harap usaha ini dapat diteruskan dan keberkesanannya dapat kita lihat apabila hasil daripada Jabatan Perhutanan Negeri dapat ditambah dan aktiviti-aktiviti haram ini didapati semakin hari semakin kurang disebabkan oleh penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan.

"Jadi saya harap mereka dapat teruskan usaha ini, dapat kekalkan, dapat tingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur di UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan), Dato' Mohd Rahim bin Rani, YB. Speaker Dewan Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsuddin, barisan Exco Kerajaan Pahang dan Pengarah JPNP, Tuan Zainuddin Jamaluddin.

Dalam pada itu, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy turut memberi jaminan Kerajaan Pahang akan menjaga kawasan berhutan seluas 2.06 juta hektar yang mewakili 57 peratus keluasan negeri ini agar tidak akan berkurangan.

Beliau berkata, daripada jumlah tersebut, seluas 1.6 juta hektar merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diuruskan berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management – SFM).

"Kerajaan Negeri juga telah mewartakan seluas 645,751 hektar ataupun 40 peratus kawasan HSK ini sebagai Hutan Perlindungan yang mana "tidak boleh disentuh apalagi diusik" untuk kerja-kerja pengusahasilan hutan.

"Fakta ini meletakkan Pahang sebagai penyumbang terbesar kawasan berhutan dalam kalangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia," katanya. – PAHANGMEDIA

https://pahangmedia.my/archives/43732

Oleh : Ain Nadhirah Basha *27 November, 2024*

KERAJAAN NEGERI ARAH MUSNAH POKOK DURIAN HARAM DI SUNGAI PERDAK



PAHANG MEDIA

KUANTAN, 27 NOVEMBER 2024 : Kerajaan Negeri Pahang mengarahkan pokok durian yang ditanam secara haram di tanah seluas kira-kira 404.69 hektar di Sungai Perdak, Bentong dimusnahkan.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail, arahan tersebut dikeluarkan bagi memastikan aktiviti pencerobohan tidak terus berlaku di kawasan berkenaan.

"Kerajaan Negeri memandang serius aktiviti pencerobohan tanah secara haram milik Kerajaan Negeri yang dikesan berlaku di kawasan Sungai Perdak, Mukim Sabai, Daerah Bentong.

"Dianggarkan kira-kira 1,000 ekar tanah kerajaan telah diceroboh serta terletak di kawasan tersorok dan tersepit di antara kawasan Hutan Simpan Kekal Lentang Tambahan dan betul-betul bersempadanan dengan tanah Negeri Sembilan. Hasil siasatan mendapati kawasan tersebut telah ditanam dengan pokok durian.



Menurut beliau, Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang tanah dan mencemarkan integriti sumber alam negeri ini memandangkan ia akan memberi impak buruk dalam banyak aspek.

"Sebagai langkah tegas, saya telah mengarahkan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

"UPNP telah melakukan serbuan ke kawasan terbabit hari ini dan menyita rumah pekerja serta peralatan yang ditemui.

"Aktiviti pencerobohan seperti ini bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi juga boleh memberikan impak buruk kepada alam sekitar dan komuniti setempat," katanya.

Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy turut menegaskan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya kepada pihak yang didapati terlibat dengan aktiviti penerokaan tanah secara haram di negeri ini.

https://pahangmedia.my/archives/43780

KERATAN AKHBAR

astro Awani

27/11/2024 23:29 MYT BERNAMA

Tanah milik kerajaan Pahang di Sungai Perdak, Bentong dikesan diceroboh

WAN ROSDY BERKATA, KAWASAN YANG DICEROBOH ITU TERLETAK DI LOKASI TERSOROK ANTARA HUTAN SIMPAN KEKAL LENTANG TAMBAHAN SERTA BERSEMPADAN DENGAN TANAH NEGERI SEMBILAN.



KUANTAN: Kira-kira 404 hektar (1,000 ekar) tanah milik kerajaan negeri Pahang di Sungai Perdak, Mukim Sabai, Bentong dikesan telah diceroboh, kata Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau berkata kawasan yang diceroboh terbabit terletak di lokasi tersorok dan tersepit antara Hutan Simpan Kekal Lentang Tambahan serta bersempadan dengan tanah Negeri Sembilan.

Wan Rosdy berkata hasil siasatan mendapati, kawasan tersebut telah ditanam dengan pokok durian dan kerajaan negeri memandang serius aktiviti pencerobohan berkenaan.

Sehubungan itu, beliau telah mengarahkan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.

"UPNP telah melakukan serbuan ke kawasan terbabit hari ini dan menyita rumah pekerja serta peralatan yang ditemukan. Malah, saya juga mengarahkan agar pokok durian yang ditanam dimusnahkan bagi memastikan aktiviti pencerobohan tidak terus berlaku," katanya dalam kenyataan malam ini.

WAN ROSDY - TANAH 2 (AKHIR) KUANTAN

Wan Rosdy berkata tindakan penguatkuasaan itu dilaksanakan mengikut Seksyen 426A(1)(c) Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Beliau berkata kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang tanah dan mencemarkan integriti sumber alam negeri itu.

"Aktiviti pencerobohan seperti ini bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi juga boleh memberikan impak buruk kepada alam sekitar dan komuniti setempat," katanya.

Justeru, Wan Rosdy menegaskan mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti penerokaan tanah secara haram akan dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

"Kerajaan negeri akan memastikan semua tanah milik kerajaan dipelihara demi kepentingan rakyat dan kelestarian alam sekitar," katanya.

Sementara itu, beliau berharap kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan sebarang aktiviti penerokaan haram dan menghargai usaha tersebut.


"Sama-sama kita memastikan Pahang terus terpelihara dan bebas daripada aktiviti pencerobohan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-milik-kerajaan-pahang-di-sungai-perdak-bentong-dikesan-diceroboh-498260

Mohd Rafi Mamat November 17, 2024 @ 9:41am

PAHANG TUTUP SEMENTARA TAMAN EKO RIMBA, HUTAN TAMAN NEGERI, LARANG AKTIVITI REKREASI DI HUTAN SIMPAN KEKAL

BH BeritaHarian



Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup sementara Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri serta kawasan pelancongan eko susulan Monsun Timur Laut (MTL) telah bermula. - NSTP/Mohd Rafi Mamat/Foto Hiasan

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup sementara Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri serta kawasan pelancongan eko di negeri ini susulan Monsun Timur Laut (MTL) yang telah bermula.

Turut dilarang, aktiviti rekreasi dalam hutan simpan kekal (HSK) membabitkan kegiatan seperti perkhemahan, memancing, perkelahan dan pendakian.

Penolong Pengarah kanan Hutan Lipur JPNP, Muhamad RahmanMustafa, berkata penutupan sementara bermula 21 Oktober lalu sehingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak.

"Bagaimanapun, penutupan tidak membabitkan Taman Eko Rimba Mossy Forest di Cameron Highlands," katanya.

Selaras arahan itu, semua jenis aktiviti rekreasi termasuk pendakian gunung, sukan lasak berkenderaan, perjelajahan gua dan lain-lain aktiviti riadah tidak dibenarkan sepanjang tempoh berkenaan.

"Bagi pengunjung yang tidak mematuhi notis ini, tindakan undang-undang boleh dikenakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Sebarang pertanyaan, boleh berhubung terus dengan JPNP di talian 09-5732911/2914.

"JPNP sentiasa mengambil berat keselamatan pengunjung yang berada di kawasan pelancongan seliaan jabatan. Keputusan menutup sementara perlu dilakukan demi keselamatan," katanya.

Muhamad Rahman berkata, kejadian tidak diingini seperti kepala air, tanah runtuh, pokok tumbang dan terputus hubungan boleh berlaku sekiranya hujan lebat.

Katanya, penguat kuasa Pejabat Hutan Daerah (PHD) akan melakukan rondaan dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada pihak berada dalam Taman Eko Rimba, Hutan Taman Negeri dan Hutan Simpan Kekal sepanjang tempoh larangan sementara itu.

Di Pahang, terdapat 25 Taman Eko Rimba dan dua taman negeri yang sentiasa menjadi lokasi kunjungan pelancong tempatan dan luar negara.

Monsun Timur Laut membawa hujan lebat terutama kepada negeri di Pantai Timur.

https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/07/785703/dua-kes-curi-balak-di-hutan-simpan-pahang



November 29, 20

BELANJAWAN PAHANG 2025 : KERAJAAN PAHANG PERUNTUK RM2 JUTA LESTARI BIODIVERSITI NEGERI

KUANTAN, 29 NOVEMBER 2024 : Kerajaan Pahang memperuntukkan RM2 juta bagi tujuan kelestarian biodiversiti di negeri Pahang membabitkan beberapa projek antaranya Projek Penilaian Biodiversiti Rizab Harimau Al-Sultan Abdullah, Kajian Kepelbagaian Biologi Tasek Bera, Program Saintifik Kepelbagaian Biologi dan Genetik serta Projek Pembangunan Pusat Pangkalan Data Sumber Biodiversiti.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, bagi memastikan kelestarian hutan dilindungi, sejumlah RM2.5 juta turut diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bagi melaksanakan empat inisiatif untuk melestarikan alam sekitar di Pahang.

"Antaranya ialah Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan Program CEPA (Communication, Education and Public Awareness), pewartaan Hutan Simpan Kekal Baharu, Geran Penyelidikan dan Program Buyback Guarantee Tapak Semaian Orang Asli Negeri Pahang.

"Di samping itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan RM500,000 bagi Penyediaan Dosir Pencalonan Rizab Biosfera Mossy Forest, Cameron Highlands.

"Malah, RM450,000 diperuntukkan bagi penyertaan ke UN Climate Change Conference (UNFCCC COP30) dan International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) 2025," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2025 pada Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang, Kuantan, hari ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Kerajaan Negeri juga komited dalam memberi tumpuan kepada pembangunan bandar terancang dan dilaksanakan secara teratur ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dengan berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas.

"Selaras dengan keperluan pembangunan masa kini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM245,000 bagi tujuan penyediaan tiga Rancangan Tempatan Daerah melibatkan Daerah Rompin, Lipis dan Jerantut," katanya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju memperuntukkan RM1.1 juta bagi mewujudkan Blueprint Bandar Pintar Negeri Pahang, Kajian Pengangkutan Awam Daerah Kuantan dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Batu – Nenasi, Pekan. - PAHANGMEDIA

https://www.mgtc.gov.my/ms/2024/11/belanjawan-pahang-2025-kerajaan-pahang-peruntuk-rm2-juta-lestari-biodiversiti-negeri

Sinar Harian 15 ANNIVERSARY Sinar

NORAWAZNI YUSOF November 29, 2024



HUTAN SIMPAN PERLU DIGANTI, JIKA DIBANGUNKAN - WAN ROSDY

"Maknanya, kawasan yang kita tebang bagi tujuan buat jalan (Jalan Jerantut-Benta) tersebut,kita sudah kenal pasti untuk penggantian, kalau tidak ada penggantian kita tidak akan benarkan dan hasil daripada penebangan balak tersebut, masuk kepada Kerajaan Negeri," katanya.

KUANTAN - Kerajaan Pahang akan mengenal pasti lokasi baharu bagi menggantikan hutan simpan yang ingin dibangunkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, penggantian itu dibuat sebelum sebarang kebenaran dikeluarkan untuk pembangunan di kawasan terbabit.

Tegasnya, langkah ini bagi memastikan kawasan hutan simpan di negeri ini terus terpelihara.

"Hutan simpan di Negeri Pahang ini, kala diusik, ditebang atau digunakan, ia mesti diganti. Semenjak lima tahun kebelakangan ini, ia bukan diganti atas kertas, maksudnya sudah jumpa kawasan hutan simpan yang diganti, dah kita wartakan, baru boleh diusik.

Beliau berkata demikian pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang di sini pada Khamis.

Sebelum itu, Tuan Ibrahim bertanyakan tentang status projek naik taraf Jalan Jerantut-Benta sepanjang 44 kilometer kepada Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan negeri, Datuk Ir Razali Kassim.

Menjawab pertanyaan itu, Razali memberitahu pembinaan laluan itu bagi fasa satu hingga segmen tujuh telah siap dilaksanakan pada 25 Mei 2023.

Jelasnya, bagi fasa tiga hingga segmen satu pula dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada 24 Mac 2025.

"Penaiktarafan laluan ini perlu dilaksana memandangkan ia menjadi laluan alternatif kepada pengguna apabila tiba musim banjir," katanya.

https://www.sinarharian.com.my/article/684015/edisi/pahang/hutan-simpan-perlu-diganti-jika-dibangunkan--wan-rosdy

KERATAN AKHBAR



Pokok durian Musang King yang terdapat dalam kawasan Hutan Simpan Kelau
FOTO MOHD RAFI MAMAT

CEROBOH, TANAM MUSANG KING DI HUTAN SIMPAN KELAU

Bentong: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) membongkar kegiatan menceroboh kawasan Hutan Simpan Kelau, di sini seluas kira-kira 5.8 hektar yang diusahakan dengan projek durian Musang King dan beberapa jenis tanaman lain.

Kegiatan berkenaan terbongkar selepas operasi bersepadu dilakukan membabitkan pasukan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong, Unit Penguatkuasa (UPK) JPNP Zon Pahang Barat dan Pejabat Daerah dan Tanah Bentong kelmarin.

Pengarah JPNP, Zainuddin Jamaludin berkata, dalam operasi berkenaan turut ditemui kegiatan menceroboh tanah milik kerajaan seluas kira-kira 0.19 hektar yang baharu diteroka.

Menurutnya, jabatan memandang serius kegiatan menceroboh hutan simpan di negeri ini, tindakan tegas menanti pihak yang terbukti terbabit dengan kesalahan itu.

"Dalam operasi bersepadu kelmarin kita menyita beberapa peralatan yang dipercayai digunakan untuk membuka kawasan hutan simpan termasuk menguruskan projek pertanian yang diusahakan secara haram itu.

"Kita turut menyita jengkaut, mesin memotong rumput, enjin kuasa elektrik dan enjin pam air. Ketika serbuan dilakukan individu yang melakukan aktiviti berkenaan dipercayai terlebih dahulu melarikan diri," katanya, dihubungi di sini semalam.

"Beliau berkata, semua barangan yang disita disimpan di stor rampasan JPNP di Pejabat Ladang Hutan Kemasul, Mentakab untuk siasatan lanjut.

Zainuddin berkata, pasukan serbuan juga turut bertindak menyita dua unit bangunan berupa rumah kongsi dan stor simpanan yang berada dalam hutan simpan.

Katanya, selepas bancian dilakukan terdapat kira-kira 500 pokok Musang King termasuk pokok kelapa dan beberapa tanaman lain. Selepas ini tindakan pemantauan dilakukan pasukan penguatkuasa daerah secara berterusan.

Menurutnya, PDT Bentong akan membuat pemasangan papan tanda notis amaran dan akan melaksanakan pemantauan berkala untuk mencegah pencerobohan.

"Selepas ini kita akan mengadakan operasi bersepadu bagi tujuan memusnahkan tanaman termasuk bangunan yang terdapat dalam kawasan Hutan Simpan Kelau.

"Saya mengingatkan pada mana-mana pihak jangan cuba menceroboh kawasan hutan simpan dengan apa juga tujuan bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 32 (1) Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.

Disiarkan pada: Disember 21, 2024 @ 11:30am

https://www.hmetro.com.my /mutakhir/2024/12/1168454/ceroboh-tanam-musang-king-di-hutan-simpan-kelau



TIADA PENGELUARAN NADIR BUMI OKSIDA SECARA HARAM DI HUTAN SIMPAN LIPIS – MB PAHANG

KUANTAN – Kerajaan Pahang menafikan sekeras-kerasnya berlaku aktiviti pengeluaran bahan nadir bumi oksida secara haram di kawasan hutan simpan di daerah Lipis.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mendakwa, kenyataan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berhubung perkara itu pada sidang Dewan Rakyat semalam adalah kurang tepat.

Pada sidang itu, Nik Nazmi ketika menjawab soalan Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur) berkata, kira-kira 16,000 tan nadir bumi oksida dilombong secara haram di beberapa negeri di Malaysia dan dieksport ke China.

Nik Nazmi dilaporkan berkata, perlombongan haram itu dijalankan di hutan simpan di Sik, Kedah; Lipis, Pahang; Pengkalan Hulu dan Kuala Kangsar, Perak; serta di tanah milik persendirian di daerah Meranti dan Jelebu, Negeri Sembilan.

Wan Rosdy mendakwa, tiada sebarang aktiviti pengeluaran bahan nadir bumi secara haram di daerah Lipis meskipun terdapat cubaan untuk kegiatan itu.

"Hasil maklumat dan intipan dilakukan, Pasukan Elit Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) pada 20 Mac 2023 telah mengesan serta menjumpai satu lokasi yang cuba dijadikan kawasan lombong nadir bumi berdasarkan peralatan ditemui.

"Susulan penemuan itu, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Pahang telah menjalankan pemeriksaan tapak di lokasi itu pada 23 Mac 2023. Hasil siasatan mendapati penemuan peralatan dan barang-barang makmal yang digunakan itu menunjukkan kawasan terbabit adalah untuk melombong nadir bumi.

"Bagaimanapun, tiada aktiviti pengeluaran dikesan dan semua peralatan berkenaan telah dirampas oleh pihak berkuasa," katanya dipetik BH Online dalam kenyataan dikeluarkan Nik Nazmi, hari ini.

Bahkan susulan itu, Wan Rosdy berkata, UPNP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Penguat Kuasa Perhutanan Zon Pahang Barat telah melakukan pemantauan berkala dari 3 Mei 2023 hingga 15 Februari 2024 di kawasan Pahang Barat.

Beliau berkata, hasil pemantauan berkenaan mendapati tiada sebarang aktiviti perlombongan nadir bumi berlaku di kawasan terbabit.

"Untuk makluman, sejak penubuhan UPNP pada 9 Oktober 2019, sebanyak 137 kes pencerobohan tanah kerajaan negeri berjaya diselesaikan, dengan 129 kes telah dikenakan kompaun dan lapan lagi didakwa di mahkamah serta dijatuhkan hukuman.

"Kerajaan negeri akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan ini dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada lagi aktiviti penerokaan tanah secara haram berlaku di Pahang pada masa akan datang," katanya. – NasionalDaily

https://www.nasionaldaily .com/2024/03/13/tiada-pengeluaran-nadir-bumi-oksida-secara-haram-di-hutan-simpan-lipis-mb-pahang/

TAKLIMAT DAN BANCI PERTANIAN 2024 BAGI KLUSTER PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN NEGERI PAHANG





Seramai 91 peserta menyertai Taklimat dan Banci Pertanian 2024 bagi Kluster Perhutanan dan Pembalakan Negeri Pahang di Dewan Bakawali Kompleks Tun Razak Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Banci Pertanian diadakan bagi mendapat struktur dan ciri-ciri sektor pertanian yang komprehensif dan terperinci pada suatu masa yang meliputi subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan dan pembalakan bagi pegangan pertanian.

Program taklimat berkenaan diadakan dua hari bermula hari ini (12 September 2024), sementara Banci Pertanian bermula 7 Julai lalu dan berakhir 10 Oktober depan.

JPNP bersama Jabatan Perangkaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menjayakan sesi Taklimat dan Banci Pertanian 2024 bagi kluster perhutanan dan pembalakan Negeri Pahang.

Turut sama pada majlis perasmian Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNP, Nor Zaidi Jusoh.



Info Jabatan

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang
Tingkat 5, Kompleks Tun Razak,
Bandar Indera Mahkota, 25990
Kuantan,
Pahang, Malaysia.
+(609)5732911
+(609)5736152

forestry[at]pahang[dot]gov[dot]my



LAMPIRAN

SENARAI PESARA TAHUN 2024 BAGI SEMUA DAERAH

BIL	NAMA	JAWATAN	DAERAH/UNIT	GRED	TARIKH BERSARA
1	MOHAMED RAMDZAN BIN ABDUL GHAFFAR	PELUKIS PELAN	PEJABAT HUTAN NEGERI	JA22 (KUP)	26.01.1964
2	NORUL AZMI BIN SAMSUDIN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN NEGERI	H14 (KUP)	01.06.1964
3	MUSTAFA BIN OTHMAN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN NEGERI	H14 (KUP)	20.07.1964
4	MOHD RAMLI BIN SULAIMAN	PEMBANTU KEMAHIRAN	PEJABAT HUTAN NEGERI	H26	28.07.1964
5	KHAZILAH BINTI KARIM	SETIAUSAHA PEJABAT	PEJABAT HUTAN NEGERI	N30	15.12.1964
6	CIK ADIDAH BINTI ABDUL RASHID	PEMBANTU TADBIR (P/O)	PEJABAT HUTAN NEGERI	N22(KUP)	21.09.1976
7	SUHAIMIN BIN SULI	PEMANDU KENDERAAN	PEJABAT HUTAN DAERAH LIPIS	H14(KUP)	01.06.1964
8	ABDUL MURAD BIN OMAR	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH LIPIS	H14(KUP)	01.06.1966
9	IDRIS BIN AHMAD	PEMANDU KENDERAAN	PEJABAT HUTAN DAERAH LIPIS	H14(KUP)	08.07.1964
10	NOZORA BINTI HASSAN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH LIPIS	H14(KUP)	01.12.1968
11	ADNAN BIN ABD KAMA	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH JERANTUT	H14(KUP)	25.05.1964
12	MASLIZA BINTI ZAINAL ABIDIN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH BENTONG	H14(KUP)	02.01.1966
13	HASIMAH BINTI HASSAN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH BENTONG	H14(KUP)	22.04.1966
14	SALINA BINTI IBRAHIM	PEMBANTU TADBIR	PEJABAT HUTAN DAERAH BENTONG	N22	06.07.1967
15	AZAHAR BIN IBRAHIM	PENGAWAS HUTAN	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA	G22	04.01.1964
16	ROSIAH BINTI MOHAMED	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA	H11	24.11.1982
17	HOD BIN SAFIE	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA	H11	11.04.1966
18	MOHD ZAID ZAWAWI BIN AHMAD	PEMANDU KENDERAAN	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA	H14(KUP)	13.07.1966
19	RAHIMAH BINTI MD TAHAR	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA	H14(KUP)	01.08.1964
20	ROSNANI BIN JAMALUDDIN	PENGAWAS HUTAN	PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/ PEKAN/MARAN(RENJ. MARAN)	G22	23.03.1964
21	ZAHAR BIN ALI	PEMBANTU AWAM	PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/ PEKAN/MARAN(RENJ. GAMBANG)	H14	28.06.1964
22	MOHD TOREHAN BIN ABD. MANAN	PEMBANTU OPERASI	PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/ PEKAN/MARAN(PENTADBIRAN)	N14	01.07.1964
23	KHAIRUL ANUAR BIN ABU	PENGAWAS HUTAN	PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/ PEKAN/MARAN(RENJ. KUANTAN)	G19	01.08.1964
24	JUAHARI BIN JANTAN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT LADANG HUTAN KEMASUL	H 14	26.07.1964
25	NOR AZIZ BIN ABU SAMAH	PEMANDU KENDERAAN	SEKSYEN PEMBANGUNAN HUTAN	H14 (KUP)	13.02.1964
26	SYED ABDUL RAHMAN BIN SYED JAAFAR	PENGAWAS HUTAN	PEJABAT SILVIKULTUR NEGERI (TIMUR)	G19	17.02.1964
27	ZULKAFLI BIN OSMAN	PEMBANTU AWAM	PEJABAT SILVIKULTUR NEGERI (TIMUR)	H14 (KUP)	25.03.1964
28	ROSILAN BIN SAID	PEMELIHARA HUTAN	SEKSYEN PEMBANGUNAN HUTAN	G48	09.08.1964
29	MOHD FODZI BIN BIDIN	PEMANDU KENDERAAN	PEJABAT SILVIKULTUR NEGERI (TIMUR)	H11	23.08.1964
30	WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM	PEMBANTU AWAM	SEKSYEN PEMBANGUNAN HUTAN	H14 (KUP)	02.09.1964

SENARAI KAKITANGAN YANG MENINGGAL DUNIA TAHUN 2024

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS	TARIKH MENINGGAL DUNIA
1	MOHD ZULKIFLI BIN ZAINAL	PEMBANTU AWAM GRED H11	PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB	30.04.2024

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN 30 TAHUN

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN / GRED	TARIKH LANTIKAN	TEMPAT BERTUGAS
1	ROSLAN BIN RANI	PEMELIHARA HUTAN GRED G54	02.06.1993	PEJABAT HUTAN NEGERI
2	AHMAD RIZAL BIN JAMALAZIZ	PENGAWAS HUTAN GRED G19	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH BENTONG
3	HASIMAH BINTI HASSAN	PEMBANTU AWAM GRED H14	01.12.1994	
4	AZHAR BIN MOHD RAZALI	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	01.04.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA
5	ROSDI BIN ABU BAKAR	PENGAWAS HUTAN GRED G22	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH ROMPIN
6	MAT ZAINUDDIN BIN BAKAR	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	03.01.1994	
7	NIZAM BIN OTHMAN	PENGAWAS HUTAN GRED G22	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH JERANTUT
8	MOHKTAR BIN SHARIFF	PENGAWAS HUTAN GRED G22	01.12.1994	
9	NORLILI BINTI ADBUL WAHAB	PENGAWAS HUTAN GRED G19	01.12.1994	
10	ZAKARIA BIN KASSIM	PENGAWAS HUTAN GRED G22	01.12.1994	
11	USANI AMIR BIN ABDULLAH	PENGAWAS HUTAN GRED G19	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH RAUB
12	TAJJUL FAIRUS BIN TAHIR	PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH LIPIS
13	SAHAROM BIN SARIMIN	PENGAWAS HUTAN GRED G19	03.05.1994	
14	KAMARUZI BIN TALEK	PENGAWAS HUTAN GRED G19	01.12.1994	
15	NORZAHIDAH BINTI MOHD NORDIN	KETUA PEMBANTU TADBIR GRED N22	02.04.1994	SEKSYEN LADANG HUTAN
16	BADRULHISYAM BIN ABDUL RAHIM	PEMBANTU AWAM GRED H14 (KUP)	01.12.1994	
17	MOHD ZUBAIDI BIN AHMAD	PENGAWAS HUTAN GRED G22	01.12.1994	PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/ MARAN
18	MOHD ZULMANBIN MD TAIB	PENGAWAS HUTAN GRED G19	01.11.1994	
19	ZULAILA BT ABDUL JALIL	PEMBANTU AWAM GRED H14 (KUP)	01.12.1994	PUSAT LATIHAN PEMBANGUNAN HUTAN, BELIMBING
20	ROSLINA BINTI OMAR	PEMBANTU AWAM GRED H14 (KUP)	01.12.1994	
